

## SIJIL IKHLAS NIAGA TAKAFUL (CLINIC NIAGA)

### SALAM SEJAHTERA DAN TERIMA KASIH

Kerana memilih Kami sebagai penyedia Takaful komprehensif ke atas Perniagaan Anda.

### PENGENALAN

Peserta Takaful dan pihak Syarikat bersetuju bahawa:

1. Borang Cadangan ini akan termaktub dan menjadi asas kepada Sijil Takaful ini.
2. Peserta Takaful bersetuju untuk membayar Sumbangan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
3. Borang Cadangan yang dilengkapkan dan dengan penuh dan benar, akan menjadi pra-syarat kepada sebarang tanggungan Syarikat.
4. Perlindungan Takaful ini adalah tertakluk kepada terma-terma yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini merangkumi peruntukan-peruntukan had kawasan dan tempoh perlindungan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
5. Perkaitan di antara pihak Syarikat dengan Peserta Takaful di dalam Sijil Takaful ini, adalah tertakluk dan diterjemahkan mengikut Undang-undang Malaysia.

### Notis Perlindungan PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### DEFINISI

Di bawah Sijil Takaful ini:

1. **"Manfaat"** bermaksud Amaun Perlindungan yang akan dibayar oleh pihak Syarikat daripada Dana Risiko apabila berlakunya tuntutan di bawah Sijil Takaful ini berdasarkan kepada Manfaat yang tertera di dalam Jadual.
2. **"Kecurian/Pecah Masuk"** bermaksud Kecurian/Pecah Masuk atau cubaan rompakan
  - (a) ke dalam premis perniagaan, secara kasar dan terdapat unsur-unsur keganasan.
  - (b) diikuti dengan serangan atau kekasaran kepada mana-mana individu atau cubaan ke atasnya.
3. **"Perniagaan"** termasuk
  - (a) Pemilikan, aset serta bidang kuasa untuk pembaikan dan penyelenggaraan aset tersebut.
  - (b) peruntukan dan pengurusan kantin, pertubuhan kebajikan dan kesukuan untuk manfaat Pekerja-pekerja Peserta termasuk pertolongan cemas ketika kebakaran serta perkhidmatan ambulans
4. **"pihak Syarikat, Kami"** bermaksud Takaful Ikhlas General Berhad, penggantinya atau pemegang serah hak termasuk mana- mana anak-anak syarikat milik penuh dan berkaitan dengan MNRB Holdings Berhad atau mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik.
5. **"Kerugian Turutan"** bermaksud kerugian kewangan.
6. **"Kejadian yang Dilindungi"** bermaksud salah satu daripada Peril yang disenaraikan di dalam Sijil Takaful ini.
7. **"Kerugian"**, secara fizikal atau kerugian penggunaan apa-apa sahaja yang telah rosak atau hilang. Kerugian tersebut mestilah berlaku dalam tempoh kehilangan mahupun kerosakan harta yang dilindungi.
8. **"Susut Nilai"** bermaksud pengurangan dalam nilai barangan atau harta akibat Haus dan Lusuhan.
9. **"Pekerja"** bermaksud mana-mana
  - (a) orang di bawah kontrak perkhidmatan atau program latihan dengan Peserta Takaful;
  - (b) orang yang diupah atau dipinjam oleh Peserta Takaful;
  - (c) orang yang bekerja sendiri;
  - (d) buruh atau orang yang diambil bekerja oleh sub-kontraktor sahaja; semasa bekerja untuk Peserta Takaful yang berkaitan dengan Perniagaan.
10. **"Endorsmen"** bermaksud perubahan bertulis kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had Sijil Takaful yang ditunjukkan di dalam Jadual.
11. **"Ekses"** bermaksud jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta Takaful terhadap tuntutan sebelum pihak Syarikat membayar. Jumlah ini akan dinyatakan di dalam Jadual atau pada apa-apa Manfaat Pilihan.
12. **"Lekapan dan Lengkapan"** bermaksud barangan yang kekal dan bersambung dengan struktur dan reka bentuk pada bangunan Peserta Takaful.
13. **"Banjir"** bermaksud limpahan atau lencongan air dari saluran biasa sama ada secara semulajadi atau buatan, pecahan atau melimpahnya saluran utama air awam dan sebarang aliran lain atau pengumpulan air yang berasal dari luar bangunan.

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

14. **“Had Geografi”** bermaksud
  - (a) wilayah yang dinyatakan di dalam Jadual
  - (b) di tempat lain di dunia tetapi hanya berkenaan dengan Kecederaan dari kerosakan yang timbul daripada aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan urusan perniagaan ketika Peserta Takaful berada di luar kawasan.
15. **“Indemniti”** bermaksud mengembalikan kedudukan kewangan Peserta Takaful seperti sejurus sebelum kerugian.
16. **“Kecederaan”** bermaksud penyakit yang melibatkan Kecederaan anggota badan atau penyakit yang mengakibatkan kematian.
17. **“Nilai pasaran”** bermaksud nilai ke atas harta yang dilindungi pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tolak pertimbangan wajar kerana Haus dan Lusuh dan/atau Susut Nilai.
18. **“Wang” (untuk Takaful Kecurian/Pecah Masuk)** hendaklah bermaksud wang tunai, nota bank, wang kertas, cek, wang pos dan kiriman wang, bil pertukaran, cek giro dan draf, baucar jualan kredit syarikat, baucar makan tengah hari, token hadiah, setem perdagangan, setem pos dan lain-lain jenis setem.
19. **“Wang” (untuk Takaful Wang)** bermaksud
  - (a) wang tunai, nota bank, wang kertas, cek tidak berpaling selain daripada cek kosong yang telah ditandatangani, cek pengembara, cek giro tidak berpaling, wang pos dan kiriman wang tidak berpaling, draf bank tidak berpaling, bil-bil atau pertukaran, baucar makan tengah hari, token hadiah, setem perdagangan semasa dan setem pos semasa
  - (b) cek berpaling, selain daripada cek kosong yang telah ditandatangani, cek dan draf giro berpaling, wang pos dan kiriman wang berpaling, draf bank berpaling dan baucar jualan kredit Syarikat.milik Peserta Takaful atau di mana Peserta Takaful bertanggungjawab ke atasnya.
20. **“Terbuka”** bermaksud di mana-mana bahagian Premis yang tidak tertutup sepenuhnya oleh dinding dan bumbung, juga bangunan-bangunan luar di atas Premis bangunan tersebut yang tidak dapat dikunci.
21. **“Peril”** bermaksud sumber musibah atau bencana yang menyebabkan kerosakan kepada harta yang dilindungi.
22. **“Tempoh Takaful”** bermaksud Tempoh Takaful yang tertera di dalam Jadual.
23. **“Barangan Peribadi”** bermaksud barang peribadi yang selalu dipakai atau dibawa oleh seseorang untuk kegunaannya sendiri, sebagai contoh, pakaian, jam tangan, dan dompet.
24. **“Orang Yang Dilindungi”** bermaksud seseorang dilindungi di bawah Sijil Takaful seperti yang disenaraikan oleh Peserta Takaful.
25. **“Bahan Pencemaran”** bermaksud sebarang gas cecair pepejal atau perangsang terma atau bahan-bahan pencemaran merangkumi kepada asap, wap, jelaga, asid, alkali, bakteria, kumbahan dan sisa bahan kimia. Sisa termasuk bahan-bahan yang akan dikitar semula, dibaik pulih atau dipulih guna.
26. **“Premis”** bermaksud tanah di alamat yang ditunjukkan di dalam Jadual di mana bangunan itu dibina.
27. **“Produk”** bermaksud semua barangan atau Produk yang dibekalkan (termasuk yang dibekalkan sebagai sebahagian daripada mana-mana perkhidmatan yang diberikan atau kerja kontrak yang disempurnakan) oleh Peserta Takaful bersama-sama dengan bekas pembungkusan dan arahan yang dibekalkan dengannya.
28. **“Cadangan”** bermaksud Borang Cadangan yang telah ditandatangani oleh Peserta Takaful dan segala maklumat yang diberikan kepada pihak Syarikat oleh Peserta Takaful atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Peserta Takaful.
29. **“Qard”** bermaksud kontrak pinjaman wang dimana peminjam bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah yang sama kepada pemberi pinjaman.
30. **“Dana Risiko”** bermaksud kumpulan dana yang berasaskan konsep Tabarru' yang memberikan perlindungan dan pampasan bersama dikalangan Peserta-peserta Takaful.
31. **“Jadual”** bermaksud jadual Sijil Takaful di mana kedua-dua butiran yang dilindungi dan Amaun Perlindungan dinyatakan.
32. **“Amaun Perlindungan”** bermaksud jumlah yang Peserta Takaful telah melindungi ke atas harta Peserta Takaful seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual.
33. **“Tabarru”** bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta.
34. **“Takaful”** bermaksud suatu skim berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada Peserta Takaful jika diperlukan yang dengannya Peserta Takaful sama-sama bersetuju untuk memberi Sumbangan Takaful bagi maksud itu.
35. **“Perniagaan Takaful”** bermaksud urusanniaga berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan operasi Dana Takaful bagi pihak Peserta Takaful yang melibatkan elemen-elemen seperti pelaburan, simpanan dan transaksi tuntutan dan Retakaful dan frasa yang merujuk kepada menjalankan Perniagaan Takaful termasuk semua atau apa juga aktiviti yang ditetapkan di dalam perenggan 5(4)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

36. **"Sijil Takaful"** bermaksud terdiri daripada semua Borang Cadangan dan Jadual yang dilampirkan bersama dengan Sijil Takaful ini hendaklah menjadi pelengkap antara satu sama lain.
37. **"Sumbangan Takaful"** bermaksud sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta Takaful yang dikehendaki oleh pihak Syarikat untuk menyertai pelan Takaful.
38. **"Peserta Takaful"** bermaksud individu yang tertera namanya di dalam Jadual sebagai "Peserta Takaful".
39. **"Wakalah"** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, Kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.
40. **"Waranti"** bermaksud sekatan atau kewajiban yang dikenakan terhadap Peserta Takaful di dalam Sijil Takaful. Pelanggaran waranti akan melayakkan pihak Syarikat untuk menolak tuntutan Peserta Takaful terhadap kerugian atau kerosakan atau liabiliti.
41. **"Haus dan Lusu"** bermaksud kerosakan atau penurunan nilai melalui umur, penggunaan biasa atau kurang penyelenggaraan.
42. **"Waktu Bekerja"** bermaksud tempoh bila mana Premis diduduki bagi tujuan Perniagaan dan selama mana Peserta Takaful atau Pekerja-pekerja Peserta Takaful yang diamanahkan dengan Wang berada di Premis.

## SEKSYEN A: TAKAFUL KEBAKARAN DAN PERIL-PERIL YANG BERKAITAN

### FASAL PERLINDUNGAN

Sehubungan dengan apa-apa Kejadian yang Dilindungi yang berlaku dalam Tempoh Takaful ini dan tertakluk kepada had-had, pengecualian dan syarat yang terkandung dan disahkan di dalam Sijil Takaful, pihak Syarikat akan, melalui bayaran atau melalui pemulihan semula atau pembaikan, terhadap kerugian atau kerosakan kepada harta yang dilindungi diakibatkan oleh kebakaran, atau kilat.

### SYARAT-SYARAT

Borang Cadangan termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual berikutnya yang dilampirkan hendaklah dibaca bersama-sama dan hendaklah menjadi pelengkap Sijil Takaful ini. Mana-mana perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu dan telah disertakan di dalam mana-mana bahagian Borang Cadangan, di dalam Jadual, atau Sijil Takaful ini hendaklah membawa makna yang sama apabila ia tercatat.

#### 1. PENERANGAN YANG SALAH

Jika terdapat keterangan yang salah berkaitan apa-apa yang dilindungi, atau apa-apa bangunan atau tempat yang terkandung di dalamnya harta sedemikian, atau sebarang gambaran yang salah tentang apa-apa fakta material yang perlu diketahui bagi menganggar risiko, atau sebarang peninggalan daripada menyatakan fakta sedemikian, pihak Syarikat tidak bertanggungjawab ke atas Sijil Takaful ini berkaitan dengan harta yang terjejas dengan sebarang salah keterangan, gambaran atau peninggalan tersebut.

#### 2. NOTIS TERHADAP TAKAFUL/ INSURANS LAIN

Peserta Takaful hendaklah memberi notis kepada Syarikat tentang apa-apa Takaful atau Insurans yang berkuat kuasa, atau yang mungkin kemudiannya dikuat kuasakan, yang melindungi mana-mana harta yang dilindungi, dan kecuali notis sedemikian diberikan dan butir-butir Takaful atau apa-apa Insurans sedemikian dinyatakan atau diendorseskan di dalam Sijil Takaful ini oleh atau bagi pihak Syarikat sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan, semua manfaat di bawah Sijil Takaful ini akan dibatalkan.

#### 3. TAKAFUL / INSURANS LAIN

Jika terdapat sebarang Takaful/ Insurans lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, pihak Syarikat hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.

#### 4. RUNTUHAN ATAU PEMINDAHAN BANGUNAN

Semua perlindungan di bawah Sijil Takaful ini

- (1) atas mana-mana bangunan atau sebahagian daripada mana-mana bangunan,
- (2) atas mana-mana harta yang terkandung di dalam mana-mana bangunan,
- (3) ke atas sewa atau perkara lain berkenaan Sijil Takaful dengan atau berkaitan dengan mana-mana bangunan atau mana-mana harta yang terkandung di dalam mana-mana bangunan,

akan terhenti serta-merta apabila berlaku apa-apa kejatuhan atau pemindahan

- (a) bangunan itu atau mana-mana bahagiannya,
- (b) keseluruhan atau mana-mana bahagian jenis bangunan atau mana-mana struktur yang menjadi sebahagian bangunan itu,

DENGAN SYARAT bahawa runtuhan atau pemindahan bangunan tersebut adalah daripada seluruh atau sebahagian besar atau bahagian penting bangunan tersebut atau mengurangkan kegunaan bangunan tersebut atau mana-mana bahagiannya atau meninggalkan bangunan tersebut atau mana-mana bahagiannya atau harta benda yang terkandung di dalamnya tertakluk kepada peningkatan risiko kebakaran atau bahan selainnya.

DAN DENGAN SYARAT bahawa runtuhan atau pemindahan tidak disebabkan oleh kebakaran, kerugian atau kerosakan yang mana dilindungi oleh Sijil Takaful ini atau akan dilindungi jika bangunan tersebut, jenis bangunan atau struktur yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding lain, beban untuk membuktikan bahawa sebarang runtuhan atau pemindahan yang disebabkan oleh kebakaran sebagai mana tersebut di atas hendaklah terletak ke atas Peserta Takaful.

### 5. PERTUKARAN DAN PEMINDAHAN

Di bawah mana-mana keadaan berikut, Sijil Takaful ini tidak lagi melindungi harta benda terbabit melainkan Peserta Takaful, sebelum berlaku sebarang kerugian atau kerosakan, mendapatkan persetujuan daripada pihak Syarikat, menerusi Endorsmen ke atas Sijil Takaful ini, oleh atau bagi pihak Syarikat.

- (a) jika perdagangan atau pengilangan yang dijalankan ditukar, atau jika jenis pekerjaan atau keadaan lain membabitkan bangunan yang dilindungi atau menempatkan harta benda yang dilindungi ditukar dengan cara yang boleh meningkatkan risiko kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran.
- (b) jika bangunan yang dilindungi atau menempatkan harta benda yang dilindungi tidak diduduki dan kekal dalam keadaan sedemikian untuk tempoh melebihi tiga puluh (30) hari.
- (c) jika harta benda yang dilindungi dipindahkan ke mana-mana bangunan atau tempat selain daripada yang dinyatakan sebagai dilindungi di dalam ini.
- (d) jika kepentingan terhadap harta benda yang dilindungi berpindah daripada Peserta Takaful selain daripada disebabkan wasiat atau penguatkuasaan undang-undang.
- (e) jika notis pindah atas perintah Pihak Berkuasa tempatan untuk pengambilan atau pemerolehan tanah yang menempatkan harta benda yang dilindungi telah dikeluarkan.

### 6. PROSEDUR TUNTUTAN

Apabila berlaku sebarang kerugian atau kerosakan, Peserta Takaful hendaklah memberikan notis serta merta mengenainya kepada pihak Syarikat dan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlaku kerugian atau kerosakan, atau tempoh lanjutan yang pihak Syarikat benarkan secara bertulis untuk tujuan tersebut, hendaklah menghantar kepada pihak Syarikat

- (a) tuntutan secara bertulis bagi kerugian atau kerosakan, mengandungi butiran teliti yang dibuat dengan wajar dan munasabah kesemua barangan atau item harta benda yang rosak atau musnah, dan jumlah kerugian atau kerosakan masing-masing, berasaskan nilai pada masa kerugian atau kerosakan, tidak termasuk sebarang jenis keuntungan; dan
- (b) butiran semua Takaful/Insurans lain, jika ada.

Peserta Takaful hendaklah juga pada setiap masa atas perbelanjaan diri sendiri, mengemukakan, mendapatkan dan memberikan kepada pihak Syarikat kesemua butiran lanjut, pelan, spesifikasi, buku, baucar, invoice, pendua atau salinannya, dokumen, bukti dan maklumat berkaitan tuntutan serta punca dan sebab kebakaran dan keadaan yang mencetuskan kerugian atau kerosakan yang berlaku, dan sebarang perkara yang menyentuh liabiliti atau jumlah liabiliti pihak Syarikat yang secara munasabah diperlukan oleh atau bagi pihak Syarikat bersama dengan akuan bersumpah atau dalam bentuk lain yang sah di sisi undang-undang tentang kebenaran tuntutan dan tentang sebarang perkara berkaitan dengannya.

Tiada tuntutan di bawah Sijil Takaful ini akan dibayar melainkan terma syarat ini telah dipatuhi.

### 7. PERLUASAN

Perlindungan Takaful di bawah Sijil Takaful ini diluaskan untuk meliputi:

- (a) gaji Pekerja Peserta Takaful selain anggota Pasukan Bomba sepenuh masa.
- (b) kos menggantikan peralatan memadam api dan kemusnahan atau kerosakan kepada bahan-bahan (termasuk pakaian dan Barangan Peribadi Pekerja) melainkan jika tidak dilindungi secara khusus.
- (c) caj yang dikenakan oleh pasukan bomba.

DENGAN SYARAT liabiliti pihak Syarikat berhubung dengan gaji, kos dan caj tersebut hendaklah terhad kepada perbelanjaan yang perlu dan munasabah untuk ditanggung dalam memadamkan kebakaran di lokasi atau bersebelahan harta yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini atau yang secara nyata mengancam harta tersebut.

### 8. KESELURUHAN AMAUN PERLINDUNGAN

Liabiliti pihak Syarikat dalam apa-apa keadaan sekalipun tidak boleh melebihi jumlah perlindungan berkenaan dengan setiap perkara yang dinyatakan di dalam Jadual atau dalam keseluruhan Amaun Perlindungan ini atau apa-apa jumlah wang atau jumlah wang lain yang boleh diganti dengannya melalui Endorsmen ke atasnya atau dilampirkan kepada perjanjian ini dan ditandatangani oleh atau bagi pihak Syarikat.

### 9. HAK UNTUK MEMASUKI

Apabila berlaku sebarang kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini, pihak Syarikat boleh:

- (a) memasuki dan mengambil dan memegang hak milik bangunan atau Premis di mana kerugian atau kerosakan telah berlaku.
- (b) mengambil atau meminta penghantaran mana-mana harta benda Peserta Takaful di dalam bangunan atau di dalam Premis pada masa berlaku kerugian atau kerosakan.
- (c) menyimpan sebarang harta benda sedemikian dan memeriksa, menyusun, mengatur, mengeluarkan, mengendalikan atau selainnya berurusan dengan yang sama.
- (d) menjual mana-mana harta benda tersebut atau melupuskannya bagi pihak yang berkenaan.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Kuasa yang diberikan oleh Syarat ini boleh digunakan oleh pihak Syarikat pada bila-bila masa hingga notis bertulis diberikan oleh Peserta Takaful bahawa beliau tidak membuat sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini atau, jika sebarang tuntutan dibuat, sehingga tuntutan tersebut akhirnya ditentukan atau ditarik balik, dan pihak Syarikat tidak akan menerusi sebarang tindakan yang dilakukan untuk menggunakan atau dianggap menggunakan kuasa di bawah ini, menanggung sebarang liabiliti kepada Peserta Takaful atau mengurangkan hak untuk bergantung kepada mana-mana syarat Sijil Takaful ini bagi menangani sebarang tuntutan.

Jika Peserta Takaful atau sesiapa bagi pihak beliau tidak mematuhi keperluan pihak Syarikat atau menyekat atau menghalang pihak Syarikat daripada melaksanakan kuasanya di bawah ini, semua Manfaat di bawah Sijil Takaful ini akan dibatalkan.

Peserta Takaful dalam apa-apa keadaan sekalipun tidak berhak untuk meninggalkan mana-mana harta kepada pihak Syarikat sama ada telah diambil milik oleh pihak Syarikat atau tidak.

### 10. PENIPUAN

Jika tuntutan yang dibuat didapati melibatkan penipuan dalam apa jua hal, atau jika sebarang perakuan palsu dibuat atau digunakan untuk menyokongnya, atau jika sebarang cara atau kaedah melibatkan penipuan digunakan oleh Peserta Takaful atau sesiapa yang bertindak bagi pihak beliau untuk mendapatkan sebarang Manfaat di bawah Sijil Takaful ini; atau, jika kerugian atau kerosakan adalah disebabkan oleh tindakan disengajakan, atau dengan kerjasama Peserta Takaful; atau, jika tuntutan dibuat dan ditolak dan tindakan atau saman tidak dimulakan dalam masa tiga (3) bulan selepas penolakan, atau (dalam kes membabitkan Penimbangtaraan) dalam masa tiga (3) bulan selepas Penimbang Tara atau para Penimbang Tara membuat keputusan, semua Manfaat di bawah Sijil Takaful ini akan dibatalkan.

### 11. MEMBAIK PULIH DAN PENGANTIAN

Pihak Syarikat boleh atas pilihannya untuk memulihkan atau menggantikan harta benda yang rosak atau musnah, atau mana-mana bahagiannya, dan bukan membayar jumlah kerugian atau kerosakan, atau menyertai mana-mana Pengendali Takaful atau Pengeluar Insurans lain dalam berbuat demikian; tetapi pihak Syarikat tidak terikat untuk memulihkan betul-betul seperti yang asal atau sepenuhnya, tetapi hanya seperti yang dibenarkan oleh keadaan dan dengan cara yang secukupnya dan sewajarnya, dan dalam apa jua keadaan pihak Syarikat tidak terikat untuk membelanjakan lebih daripada kos yang sepatutnya untuk memulihkan harta benda kepada keadaan pada masa kerugian atau kerosakan berlaku, mahupun lebih daripada Amaun Perlindungan oleh pihak Syarikat.

Jika pihak Syarikat membuat keputusan untuk memulihkan atau menggantikan mana-mana harta benda Peserta Takaful hendaklah, atas perbelanjaan sendiri, menyediakan untuk pihak Syarikat pelan, spesifikasi, ukuran, kuantiti, dan butiran lain yang mungkin pihak Syarikat perlukan dan tiada tindakan yang dilakukan, atau berlaku kerana pihak Syarikat dengan matlamat untuk memulihkan atau menggantikan boleh dianggap sebagai pilihan binaan oleh pihak Syarikat untuk memulihkan atau menggantikan.

Jika dalam apa jua keadaan, pihak Syarikat tidak dapat memulihkan atau membaiki harta yang dilindungi, disebabkan oleh sebarang peraturan perbandaran atau peraturan lain yang berkuat kuasa membabitkan penjajaran jalan, atau pembinaan bangunan, atau yang lain, pihak Syarikat akan, dalam apa jua keadaan, hanya bertanggungjawab untuk membayar jumlah yang diperlukan untuk memulihkan atau membaiki harta benda tersebut jika ia boleh dipulihkan kepada keadaan asalnya secara sah di sisi undang-undang.

### 12. NILAI PASARAN

Pihak Syarikat akan menanggung rugi kepada Peserta Takaful nilai yang dilindungi atau Nilai Pasaran bagi harta yang dilindungi yang mana lebih rendah, dan tertakluk kepada pemotongan sebarang Ekses.

Nilai Pasaran akan ditentukan melalui penilaian oleh pihak Syarikat daripada:

- Pembuat, atau
- Ejen tunggal yang sah atau ejen, atau
- Broker yang sah, pengedar yang sah, atau
- Kontraktor bangunan, atau
- Penyelaras kerugian berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, atau
- Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 yang dilantik secara bersama di antara Peserta Takaful dan pihak Syarikat.

Penilaian yang diperolehi adalah bukti muktamad di dalam mana-mana prosiding guaman terhadap pihak Syarikat.

### 13. PURATA

Jika Nilai Pasaran harta yang dilindungi pada masa sebarang kerugian berlaku, secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, maka Peserta Takaful hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang dilindungi.

### 14. BAYARAN AMAUN PERLINDUNGAN

Selepas sesuatu kerugian, jumlah penuh Amaun Perlindungan di bawah Sijil Takaful ini hendaklah dikekalkan.

Peserta Takaful dikehendaki untuk membayar Sumbangan Takaful tambahan secara pro rata berdasarkan jumlah kerugian yang dihitung dari tarikh kerugian tersebut sehingga tamat Tempoh Takaful.



**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

**15. PENGEHADAN**

Dalam apa jua keadaan, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan selepas tamat tempoh dua belas (12) bulan setelah berlakunya kerugian atau kerosakan melainkan tuntutan tertakluk kepada tindakan yang akan diambil atau penimbangan.

**PENGECUALIAN (BAGI SEKSYEN A SAHAJA)**

1. Sijil Takaful ini tidak merancang untuk dan tidak melindungi:
  - (a) Kerugian oleh sebab kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran.
  - (b) Kerugian atau kerosakan kepada harta yang disebabkan oleh penapaian, kepanasan semula jadi atau pembakaran spontan (kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selaras dengan Pengecualian 2(f) atau melalui proses menjalani pemanasan atau pengeringan.
  - (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat pembakaran harta melalui perintah mana-mana pihak berkuasa awam.
  - (d) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada kebakaran bawah tanah.
  - (e) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang merupakan akibat atau yang antaranya disebabkan oleh bahan senjata nuklear.
  - (f) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau akibat daripada atau disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini sahaja, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses yang mampan diri pembelahan nuklear.
2. Melainkan dinyatakan sebaliknya secara khusus di dalam Sijil Takaful, perlindungan ini tidak termasuk:
  - (a) Barangan yang dipegang atas amanah atau berasaskan komisen.
  - (b) Jongkong emas atau permata berharga belum berikat.
  - (c) Sebarang barang aneh atau hasil kerja seni bagi jumlah melebihi RM500.
  - (d) Manuskrip, pelan, lukisan, atau rekaan, corak, model atau acuan.
  - (e) Sebarang jenis sekuriti, tanggungan atau dokumen, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain, atau rekod sistem computer.
  - (f) Batu arang, daripada kerugian atau kerosakan yang berlaku disebabkan oleh pembakaran secara tiba-tiba.
  - (g) Bahan letupan.
  - (h) Sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada letupan; tetapi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh letupan gas yang digunakan untuk pencahayaan atau tujuan domestik dalam bangunan yang tidak mempunyai bekalan gas dan tidak membentuk sebahagian daripada mana-mana kerja gas, akan dianggap kerugian atau kerosakan akibat kebakaran dalam erti kata Sijil Takaful ini; atau
  - (i) Sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada pembakaran hutan, belukar, lalang, prairie, pampas atau rimba, sama ada tidak disengajakan atau sebaliknya, dan pemugaran tanah secara pembakaran.
3. Sijil Takaful ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau menerusi, yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana daripada kejadian berikut, iaitu
  - (a) Gempa bumi, letupan gunung berapi atau atau gegaran alam yang lain.
  - (b) Taufan, hurikan, puting beliung, siklon atau gangguan atmosfera lain.
  - (c) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.
  - (d) Dahagi, rusuhan, ketenteraan atau kebangkitan awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, ketenteraan atau rampasam kuasa, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau sebarang peristiwa atau sebab di mana untuk menentukan atau pembaikan terhadap pasukan ketenteraan atau operasi ketenteraan di sesebuah kawasan.
  - (e) Sebarang kegiatan keganasan

Untuk tujuan ini tindakan keganasan membawa maksud tindakan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan dan/atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, atau berkaitan dengan politik, agama, ideologi atau seumpamanya, termasuk dengan hasrat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa wujudnya keadaan luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana kejadian yang tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini, melainkan setakat mana yang anda dapat membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut telah berlaku secara berasingan daripada keadaan luar biasa tersebut.

Dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding lain, apabila Syarikat mendakwa bahawa sebab peruntukan dalam syarat ini apa-apa kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh Takaful ini, beban membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi hendaklah terletak pada Peserta Takaful.

### 4. Sijil Takaful ini tidak melindungi sebarang liabiliti bagi:

Kerugian akibat kemusnahan atau kerosakan disebabkan pencemaran atau kontaminasi kecuali (melainkan dikecualikan) kemusnahan atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi adalah disebabkan oleh:

- (a) pencemaran atau kontaminasi yang dengan sendirinya adalah akibat kejadian luar jangka yang dilindungi.
- (b) sebarang kejadian luar jangka yang dilindungi yang dengan sendirinya adalah akibat daripada pencemaran atau kontaminasi.

### 5. Sijil Takaful ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan kepada harta yang, pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan sedemikian, dilindungi oleh atau jika tidak kerana kewujudan Sijil Takaful ini, dilindungi oleh mana-mana Sijil Marin atau polisi kecuali berkenaan sebarang Ekses yang melebihi jumlah yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil Takaful Marin atau Sijil Takaful bila mana Takaful ini tidak dikuat kuasakan.

### 6. Sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku terhadap harta yang dilindungi disebabkan oleh pelanggaran Undang-undang dan prinsip-prinsip Sivil atau Syariah oleh Peserta Takaful atau dengan cara lain daripada sebarang akibat yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.

## SEKSYEN B: TAKAFUL KECURIAN/PECAH MASUK

### FASAL PERLINDUNGAN

Pihak Syarikat akan menanggung rugi melalui bayaran (atau melalui pembaikan, pengembalian semula atau penggantian, mengikut pilihan pihak Syarikat) terhadap kerugian atau kerosakan yang berlaku kepada sebarang bahagian harta benda di dalam kawasan Premis yang secara langsung akibat daripada Kecurian/Pecah Masuk yang berlaku semasa Tempoh Takaful tetapi tidak boleh melebihi Amaun Perlindungan bagi setiap item atau bagi semua Amaun Perlindungan secara keseluruhan dalam sebarang Tempoh Takaful.

Dengan syarat kerosakan tersebut tidak dilindungi, pihak Syarikat akan secara tambahan menanggung rugi kepada Peserta Takaful melalui bayaran (atau melalui pembaikan, pengembalian semula atau penggantian, mengikut pilihan pihak Syarikat) terhadap kerosakan di mana Peserta Takaful akan bertanggungjawab terhadap sebarang bangunan di Premis yang secara langsung akibat daripada Kecurian/Pecah Masuk yang berlaku semasa Tempoh Takaful sehingga jumlah yang tidak melebihi 10% daripada keseluruhan Amaun Perlindungan atau RM 10,000.00, yang mana lebih kurang, semasa di dalam Tempoh Takaful.

### SYARAT-SYARAT

Borang Cadangan termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual berikutnya yang dilampirkan hendaklah dibaca bersama-sama dan hendaklah menjadi pelengkap Sijil Takaful ini. Mana-mana perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu dan telah disertakan di dalam mana-mana bahagian Borang Cadangan, di dalam Jadual, atau Sijil Takaful ini hendaklah membawa makna yang sama apabila ia tercatat.

### 1. NOTIS TAKAFUL/ INSURANS LAIN

Peserta Takaful hendaklah memberi notis kepada Syarikat tentang apa-apa Takaful atau Insurans yang berkuat kuasa, atau yang mungkin kemudiannya dikuat kuasakan, yang melindungi mana-mana harta yang dilindungi, dan kecuali notis sedemikian diberikan dan butir-butir Takaful atau apa-apa Insurans sedemikian dinyatakan atau diendoskan di dalam Sijil Takaful ini oleh atau bagi pihak Syarikat sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan, semua Manfaat di bawah Sijil Takaful ini akan dibatalkan.

### 2. PERUBAHAN RISIKO

Jika terdapat sebarang perubahan berkenaan dengan risiko selepas Sijil Takaful ini diterima oleh pihak Syarikat, Peserta Takaful hendaklah serta-merta memberi notis kepada pihak Syarikat. Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap kerugian atau kerosakan yang berlaku selepas perubahan tersebut melainkan penerimaan secara bertulis mengenainya telah diperolehi.

### 3. TAKAFUL/ INSURANS LAIN

Jika terdapat sebarang Takaful/ Insurans lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian yang sama, kerosakan atau liabiliti, pihak Syarikat hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.

### 4. KEWAJIPAN BERJAGA-JAGA

Peserta Takaful hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kehilangan dan kerosakan.

- (a) semua sistem penggera penceroboh kunci bolt dan peranti perlindungan yang lain akan beroperasi sepenuhnya pada bila-bila masa Premis ditinggalkan tanpa dijaga atau tertutup untuk Perniagaan.
- (b) semua kunci (termasuk yang berkaitan dengan mana-mana bahagian sistem penggera penceroboh) hendaklah

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- i) dikeluarkan dari Premis tersebut; atau
- ii) ditempatkan di dalam keadaan yang selamat berkunci atau bilik kebal dalam mana-mana bangunan dengan syarat, kunci keselamatan atau kunci bilik kebal dikeluarkan dari Premis tersebut.

pada bila-bila masa Premis ditinggalkan tanpa dijaga atau tertutup untuk Perniagaan.

- (c) semua nota yang mengandungi kombinasi huruf dan nombor untuk kunci peti besi dan bilik kebal hendaklah dikeluarkan daripada Premis pada setiap masa pada bila-bila masa Premis yang ditinggalkan tanpa dijaga atau tertutup untuk Perniagaan.
- (d) tiap-tiap sistem penggera penceroboh yang dipasang di Premis Peserta Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual hendaklah diperiksa dengan betul dan dijaga supaya berfungsi dengan baik semasa Sijil Takaful selaras dengan cadangan-cadangan daripada pengeluar-pengeluar.
- (e) Peserta Takaful hendaklah dengan serta-merta memberitahu pihak Syarikat jika notis bertulis diterima daripada Pegawai Takaful yang berkenaan bahawa tindak balas kepada isyarat penggera dari Premis itu mungkin boleh ditarik balik.

### 5. PEMBERITAHUAN TUNTUTAN

Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang boleh menyebabkan berlakunya tuntutan di bawah Sijil Takaful ini Peserta Takaful hendaklah

- (a) mengemukakan notis bertulis kepada pihak Syarikat yang menyatakan semua butir-butir yang ketika itu diketahui oleh Peserta Takaful dengan serta-merta.
- (b) memaklumkan pihak polis dengan segera.
- (c) mengambil segala langkah secara praktik untuk mengesan mana-mana orang yang bersalah dan mendapatkan semula harta benda yang hilang.
- (d) mengemukakan semua bukti-bukti, maklumat dan keterangan lain seperti yang diminta oleh pihak Syarikat dan bebas daripada perbelanjaan pihak Syarikat, yang berkenaan dengan tuntutan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas kejadian dan dalam tempoh yang dilanjutkan seperti yang dipersetujui oleh pihak Syarikat, apa-apa yang mungkin diperlukan oleh pihak Syarikat termasuk
  - i) maklumat penuh secara bertulis mengenai tuntutan tersebut
  - ii) butiran semua Takaful lain yang berkaitan dengan tuntutan
  - iii) semua invoice Perniagaan, akaun dan dokumen lain sebagai sokongan terhadap tuntutan tersebut.

### 6. MENDAPATKAN KEMBALI TUNTUTAN

Pihak Syarikat mempunyai hak ke atas nama pihak Syarikat sendiri atau nama Peserta Takaful untuk mengambil langkah untuk mendapatkan mana-mana bahagian harta benda yang hilang atau untuk mendapatkan pembayaran balik berkenaan kehilangan apa-apa kerugian atau kerosakan dan Peserta Takaful hendaklah memberi Syarikat segala maklumat dan bantuan untuk berbuat demikian.

### 7. HAK PEMILIKAN SELEPAS PEMBAYARAN

Apabila pembayaran mana-mana tuntutan di bawah Sijil Takaful ini dibuat (selain daripada untuk pembaikan) mana-mana bahagian harta berkenaan yang mana bayaran telah dibuat hendaklah menjadi milik Dana Risiko, tertakluk kepada hak Peserta Takaful untuk menuntutnya kembali apabila pembayaran balik kepada pihak Syarikat telah dibuat.

### 8. PENIPUAN

Jika tuntutan yang dibuat didapati melibatkan penipuan dalam apa jua hal, atau jika sebarang perakuan palsu dibuat atau digunakan untuk menyokongnya, atau jika sebarang cara atau kaedah melibatkan penipuan digunakan oleh Peserta Takaful atau sesiapa yang bertindak bagi pihak beliau untuk mendapatkan sebarang Manfaat di bawah Sijil Takaful ini; atau, jika kerugian atau kerosakan adalah disebabkan oleh tindakan disengajakan, atau dengan kerjasama Peserta Takaful; atau, jika tuntutan dibuat dan ditolak dan tindakan atau saman tidak dimulakan dalam masa tiga (3) bulan selepas penolakan, atau (dalam kes membabitkan Penimbangtaraan) dalam masa tiga (3) bulan selepas Penimbang Tara atau para Penimbang Tara membuat keputusan, semua Manfaat di bawah Sijil Takaful ini akan dibatalkan.

### 9. PERBEZAAN

Jika terdapat sebarang perbezaan untuk jumlah yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil Takaful ini (yang sebaliknya diperakui), perbezaan tersebut hendaklah dirujuk kepada penimbangtaraan selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa di wilayah di mana Sijil Takaful ini dikeluarkan. Jika terdapat perbezaan yang perlu dirujuk kepada penimbangtaraan, keputusan yang dibuat akan menjadi pra-syarat untuk sebarang tindakan terhadap pihak Syarikat.

### 10. PURATA

Jika Nilai Pasaran harta yang dilindungi pada masa sebarang kerugian berlaku, secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, maka Peserta Takaful hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang dilindungi.



## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

### PENGECUALIAN (BAGI SEKSYEN B SAHAJA)

Syarikat tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan

1. Kehilangan atau kerosakan
  - (a) daripada atau terhadap
    - i) Wang sekuriti.
    - ii) kaca jika dilindungi secara lebih khusus.
    - iii) mana-mana bahagian harta itu yang berada dalam keadaan Terbuka atau mana-mana bangunan luar, kecuali yang dinyatakan di dalam Jadual atau melalui Endorsmen.
    - iv) mana-mana tunai yang didaftarkan apabila Premis ditutup untuk Perniagaan melainkan mesin daftar tunai itu ditinggalkan dalam keadaan Terbuka.
    - v) permainan hiburan atau mesin layan diri atau kandungan daripadanya.
    - vi) buku Perniagaan, dokumen dan manuskrip, kecuali dinyatakan di dalam Jadual oleh Pengendorsan.
    - vii) rekod sistem komputer.
  - (b) dipercepatkan atau dalam apa-apa cara yang dibawa oleh Peserta Takaful atau mana-mana anggota isi rumah keluarga Peserta Takaful atau mana-mana Pekerja Peserta Takaful atau oleh mana-mana orang yang sah ke atas Premis.
  - (c) oleh atau disebabkan oleh kebakaran atau letupan.
2. Semua jenis atau perihal berkaitan Kerugian Turutan atau kerosakan.
3. Kerugian atau kemusnahan atau kerosakan kepada sebarang harta sekalipun tentang apa-apa kerugian atau perbelanjaan walau apa pun akibat atau yang timbul daripadanya atau apa-apa Kerugian Turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada sinaran pengion atau pencemaran radioaktif daripada sebarang bahan api nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan Pengecualian ini sahaja pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear.
4. Mana-mana kemusnahan kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau menyumbang kepada atau timbul daripada bahan senjata nuklear.
5. Sebarang kesan peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan yang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, pemberontakan, ketenteraan atau rampasan kuasa, rusuhan atau kekacauan awam.
6. Sebarang kerugian atau kerosakan kepada harta yang dilindungi oleh mana-mana pelanggaran Undang-Undang dan prinsip-prinsip Awam atau Syariah oleh Peserta Takaful atau selainnya daripada sebarang sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.

### SEKSYEN C: TAKAFUL WANG

#### FASAL PERLINDUNGAN

Pihak Syarikat akan menanggung rugi kepada Peserta Takaful bagi jumlah sebarang kerugian

1. Wang seperti yang dinyatakan di dalam Jadual
2. Atau kerosakan yang disebabkan oleh kecurian kepada mana-mana bilik selamat atau bilik kebal milik Peserta Takaful di Premis untuk had sehingga tidak melebihi 10% daripada had liabiliti wang dalam Premis atau RM10,000.00 yang mana lebih kurang

yang berlaku semasa mana-mana Tempoh Takaful dalam had geografi tetapi tidak boleh melebihi had liabiliti bagi sebarang kerugian bagi setiap item.

### SYARAT-SYARAT

Borang Cadangan termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual berikutnya yang dilampirkan hendaklah dibaca bersama-sama dan hendaklah menjadi pelengkap Sijil Takaful ini. Mana-mana perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu dan telah disertakan di dalam mana-mana bahagian Borang Cadangan, di dalam Jadual, atau Sijil Takaful ini hendaklah membawa makna yang sama apabila ia tercatat.

#### **1. NOTIS TAKAFUL/ INSURANS LAIN**

Peserta Takaful hendaklah memberi notis kepada pihak Syarikat tentang apa-apa Sijil Takaful atau Insurans yang berkuat kuasa, atau yang mungkin kemudiannya dikuat kuasakan, yang melindungi mana-mana harta yang dilindungi, dan kecuali notis sedemikian diberikan dan butir-butir Takaful atau apa-apa Insurans sedemikian dinyatakan atau diendorskan di dalam Sijil Takaful ini oleh atau bagi pihak Syarikat sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan, semua Manfaat di bawah Sijil Takaful ini akan dibatalkan.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

### 2. PERUBAHAN RISIKO

Jika terdapat sebarang perubahan berkenaan dengan risiko selepas Sijil Takaful ini diterima oleh pihak Syarikat, Peserta Takaful hendaklah serta-merta memberi notis kepada pihak Syarikat. Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap kerugian atau kerosakan yang berlaku selepas perubahan tersebut melainkan penerimaan secara bertulis mengenainya telah diperolehi.

### 3. TAKAFUL/ INSURANS LAIN

Jika terdapat sebarang Takaful/ Insurans lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian yang sama, kerosakan atau liabiliti, pihak Syarikat hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.

### 4. TUGAS PESERTA TAKAFUL – LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN

- RAMPASAN** Perlindungan Sijil Takaful ini akan terus berkuat kuasa walaupun ketika Orang Yang Dilindungi di bawah kawalan pihak pengkhianat atau anasir-anasir yang bersekutu dengannya, ketika di dalam perjalanan terus ke tempat tinggal domisil dan/ atau ke destinasi asal Orang Yang Dilindungi dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh Rampasan. Untuk tujuan Sijil Takaful ini, Rampasan bermaksud, penahanan atau perbuatan yang berlawanan dari aktiviti rutin bagi sesuatu pesawat udara atau krew, di mana Orang Yang Dilindungi menjadi salah seorang penumpang. Namun demikian, penambahan ini akan terbatal dengan sendirinya sekiranya peristiwa ini berpunca dari Pengecualian 1.



**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

**MEMORANDUM**

Sekiranya Orang yang Dilindungi mempunyai lebih dari satu (1) Sijil Takaful Kemalangan Diri yang dikeluarkan oleh pihak Syarikat (sama ada berkumpulan atau individu), Orang yang Dilindungi tidak layak untuk mendapat manfaat tambahan memandangkan pampasan hanya dibayar untuk setiap satu (1) Kemalangan.

Walau bagaimanapun, bayaran untuk manfaat kematian tidak menghalang pembayaran di bawah peruntukan Endorsmen ini.

Peruntukan Endorsmen ini adalah tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat atau pengecualian-pengecualian di dalam Sijil Takaful ini.

**1. KEMATIAN**

Kematian Orang yang Dilindungi yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan luar yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) dan tidak termasuk penyakit, parasit, jangkitan virus atau bakteria atau sebarang keadaan semula jadi atau proses degeneratif; dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar kejadian tersebut. Jumlah yang akan dibayar adalah Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

**2. HILANG KEUPAYAAN KEKAL**

Hilang keupayaan kekal terhadap Orang yang Dilindungi yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan luar yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) dan tidak termasuk penyakit, parasit, jangkitan virus atau bakteria atau sebarang keadaan semula jadi atau proses degeneratif; dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar kejadian tersebut. Jumlah yang akan dibayar adalah Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

**SKALA PAMPASAN**

| MUSIBAH | Kemalangan yang mengakibatkan Kecederaan Tubuh Badan yang ditanggung oleh Orang yang Dilindungi berpunca dari kejadian atau peristiwa yang tidak disangka, secara tiba-tiba, tidak disengajakan dan di luar kawalan. Musibah ini menyebabkan kematian atau hilang keupayaan kekal kepada Orang Yang Dilindungi. |                                     |
|---------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------|
| AKIBAT  | KETERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | MANFAAT                             |
| 1       | Kematian                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | Jumlah yang tertera di dalam Jadual |
| 2       | Hilang Keupayaan Kekal yang mengakibatkan:                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                     |
|         | Kehilangan Kedua anggota badan                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                     |
|         | 1. Kehilangan kedua belah tangan, atau kesemua jari dan kedua-dua ibu jari                                                                                                                                                                                                                                      | 100%                                |
|         | 2. Kehilangan Seluruh penglihatan                                                                                                                                                                                                                                                                               |                                     |
|         | 3. Lumpuh sepenuhnya                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                     |
|         | 4. Kecederaan yang menyebabkan kekal terlantar di atas katil                                                                                                                                                                                                                                                    |                                     |
|         | 5. Kecederaan Lain menyebabkan hilang keupayaan kekal                                                                                                                                                                                                                                                           |                                     |
|         | 6. Kehilangan lengan di bahu                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                     |
|         | 7. Kehilangan lengan di antara bahu dan siku                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                     |
|         | 8. Kehilangan lengan di bawah siku                                                                                                                                                                                                                                                                              |                                     |
|         | 9. Kehilangan lengan di bawah siku dan pergelangan                                                                                                                                                                                                                                                              |                                     |
|         | 10. Kehilangan pergelangan tangan                                                                                                                                                                                                                                                                               |                                     |
|         | 11. Kehilangan kaki - dipinggul                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                     |
|         | - di antara lutut dan pinggul                                                                                                                                                                                                                                                                                   | 50%                                 |
|         | - di bawah lutut                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                                     |
|         | 12. Penglihatan: Kehilangan Mata - keseluruhan penglihatan                                                                                                                                                                                                                                                      |                                     |
|         | 13. Sebelah mata kecuali persepsi cahaya                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                     |
|         | 15. Kehilangan 4 jari dan ibu jari sebelah tangan                                                                                                                                                                                                                                                               |                                     |
|         | 16. Kehilangan 4 jari                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                     |
|         | 17. Kehilangan ibu jari - kedua-dua ruas                                                                                                                                                                                                                                                                        | 25%                                 |
|         | - Satu ruas                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                     |
|         | 18. Kehilangan jari telunjuk - tiga ruas                                                                                                                                                                                                                                                                        | 15%                                 |
|         | - dua ruas                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                     |
|         | - satu ruas                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                     |
|         | 19. Kehilangan jari tengah - tiga ruas                                                                                                                                                                                                                                                                          | 10%                                 |
|         | - dua ruas                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                     |
|         | - satu ruas                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                     |

# ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

|                                                  |   |                                        |     |
|--------------------------------------------------|---|----------------------------------------|-----|
| 20. Kehilangan jari manis                        | - | tiga ruas                              | 8%  |
|                                                  | - | dua ruas                               | 4%  |
|                                                  | - | satu ruas                              | 2%  |
| 21. Kehilangan jari kelingking                   | - | tiga ruas                              | 6%  |
|                                                  | - | dua ruas                               | 4%  |
|                                                  | - | satu ruas                              | 2%  |
| 22. Kehilangan tulang metacarpus                 | - | Pertama atau kedua (tambahan)          | 3%  |
|                                                  | - | ketiga, keempat atau kelima (tambahan) | 2%  |
| 23. Kehilangan jari kaki                         | - | keseluruhan                            | 18% |
|                                                  | - | ibu jari kaki kedua-dua ruas           | 6%  |
|                                                  | - | ibu jari, satu ruas                    | 3%  |
|                                                  | - | selain dari ibu jari                   | 3%  |
| 24. Kehilangan pendengaran                       | - | kedua belah telinga                    | 75% |
|                                                  | - | sebelah telinga                        | 15% |
| 25. Kehilangan suara secara kekal dan menyeluruh |   |                                        | 50% |

**Jumlah agregat keseluruhan peratusan** yang dibayar berhubung dengan mana-mana satu Kemalangan tidak boleh melebihi 100%. Sekiranya semua 100% telah dibayar, perlindungan di bawah Sijil Takaful ini tidak akan berkuat kuasa lagi. Kesemua pampasan yang kurang dari 100% jika telah dibayar akan menyusutkan kadar nilai perlindungan dari mula tarikh Kemalangan hingga tarikh luput Sijil Takaful.

**Kehilangan kegunaan secara kekal dan menyeluruh** dianggap sebagai hilang keupayaan kekal.

**Kehilangan kedua-dua mata - keseluruhan penglihatan** bermaksud hilang keupayaan kekal ke atas Orang Yang Dilindungi untuk melihat semula serta tidak ada peluang untuk dipulihkan melalui pembedahan atau apa-apa kaedah rawatan.

**Kehilangan suara secara kekal** bermaksud hilang keupayaan kekal untuk berkomunikasi melalui kaedah lisan secara kekal dan menyeluruh.

**Sekiranya terdapat kecederaan dan musibah yang tidak tersenarai di dalam Skala Pampasan ini**, Pihak Syarikat akan memaklumkan kepada Anda peratusan pampasan yang pada pendapat Pihak Syarikat konsisten dengan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalam Skala Pampasan dan tanpa mengambil kira pekerjaan Orang Yang Dilindungi.

## SYARAT-SYARAT

Borang Cadangan termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual berikutnya yang dilampirkan hendaklah dibaca bersama-sama dan hendaklah menjadi pelengkap Sijil Takaful ini. Mana-mana perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu dan telah disertakan di dalam mana-mana bahagian Borang Cadangan, di dalam Jadual, atau Sijil Takaful ini hendaklah membawa makna yang sama apabila ia tercatat.

### 1. PRA-SYARAT KEPADA TANGGUNGAN SYARIKAT

Sijil Takaful ini akan menjadi tidak sah dan terbatal dengan sendirinya apabila:

- jika sebarang Cadangan atau Akuan Peserta Takaful didapati tidak benar, atau jika apa-apa fakta penting berkaitan Peserta Takaful atau Orang yang Dilindungi yang diberikan tidak tepat, atau tidak dimaklumkan secara sengaja;
- jika Sijil Takaful ini atau mana-mana pembaharuan yang diperolehi melalui sebarang kesilapan pernyataan, kesilapan penyampaian atau menyembunyikan sebarang fakta; atau
- jika sebarang tuntutan yang dibuat tidak benar atau melibatkan penipuan atau dibesar-besarkan atau akuan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokong sebarang tuntutan.

### 2. PERUBAHAN MAKLUMAT

Peserta Takaful hendaklah memberi notis dengan segera kepada pihak Syarikat mengenai sebarang perubahan alamat, pekerjaan, hobi atau sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan yang telah menjejaskan Orang yang Dilindungi.

Jika Orang yang Dilindungi mengalami kecederaan selepas mengubah pekerjaannya kepada yang lebih berbahaya seperti yang diklasifikasikan oleh pihak Syarikat berbanding dengan yang dinyatakan di dalam Borang Cadangan atau Endorsmen berikutnya kepada Sijil Takaful ini, pihak Syarikat hanya akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa bahagian indemniti yang diperuntukkan di dalam Sijil Takaful ini.

Semua notis yang mana Peserta Takaful perlu mengemukakan kepada pihak Syarikat mestilah diajukan secara bertulis yang dialamatkan kepada pihak Syarikat dan tiada perubahan dalam Sijil Takaful ini atau Endorsmen ke atas Sijil Takaful ini dianggap sah melainkan jika ditandatangani atau disahkan oleh wakil yang diberi kuasa oleh pihak Syarikat. Tiada ejen yang mempunyai kuasa untuk mengubah Sijil Takaful ini atau mengeneipkan apa-apa peruntukkan di dalam ini.

Peserta Takaful juga harus memberitahu pihak Syarikat mengenai Pengendali Takaful lain (kecuali kupon atau berkaitan dengan Sijil Takaful Motor) yang turut menerima kesan akibat Kemalangan dan/ atau ketidakupayaan yang berkenaan.

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:****3. PROSEDUR TUNTUTAN**

Dalam kes Kecederaan Tubuh Badan yang berkaitan dengan Sijil Takaful ini:

- (a) Orang Yang Dilindungi hendaklah sentiasa mengikut arahan pengamal perubatan untuk kaedah perubatan atau menjalani pembedahan dalam tempoh yang ditetapkan;
- (b) notis bertulis hendaklah diberi kepada pihak Syarikat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut.

Kegagalan untuk memberi notis dalam masa yang diperuntukkan dalam Sijil Takaful ini tidak akan terus membatalkan tuntutan tersebut jika Orang Yang Dilindungi boleh membuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberikan notis dalam tempoh tersebut dan notis telah diberikan dengan seberapa segera yang munasabah.

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti yang boleh dibawa untuk mendapatkan kembali Pampasan di bawah Sijil Takaful ini sebelum tamat tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh bukti bertulis mengenai kehilangan tersebut diberikan mengikut peruntukan Sijil Takaful ini. Tiada sebarang tindakan yang boleh dibawa selepas habis tempoh satu tahun daripada masa bukti bertulis mengenai kehilangan tersebut harus diberikan.

Segala maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Kami hendaklah disediakan oleh Anda atau wakil Anda yang sah dan hendaklah dalam bentuk dan sifat sebagaimana yang ditetapkan oleh Kami. Anda hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan apabila diperlukan, di atas tanggungan Anda sendiri, terhadap sebarang tuntutan berkaitan hilang keupayaan kekal akibat Hilang Keupayaan Kekal. Dalam kes kematian Anda, notis pemberitahuan hendaklah diberikan kepada Kami sebelum pengebumian atau pembakaran dijalankan, dan Kami boleh menghantar wakil semasa pemeriksaan autopsi ke atas mayat Anda. Kami mempunyai hak untuk menjalankan autopsi ke atas mayat Anda di atas tanggungan Kami sendiri, selagi mana ia dibenarkan oleh undang-undang.

**SYARAT TUNTUTAN**

1. Pampasan di bawah Hilang Keupayaan Kekal akan dibayar hanya apabila Kecederaan Tubuh Badan tersebut menghalang Orang yang Dilindungi dari melibatkan diri di dalam sebarang aktiviti perniagaan atau pekerjaan, atau melaksanakan sebarang pekerjaan, untuk pampasan atau keuntungan. Bagi menentukan Hilang Keupayaan Kekal ini, situasi ini mestilah berlanjutan tanpa gangguan, sekurang-kurangnya selama dua belas (12) bulan daripada tarikh berlakunya Kecederaan Tubuh Badan dan tamat tempoh perlindungan yang mana Orang yang Dilindungi tidak ada harapan untuk pulih.
2. Manfaat Kematian dan Hilang Keupayaan Kekal tidak boleh dibayar secara agregat di bawah Sijil Takaful ini. Ini bermaksud bahawa jika pampasan bagi manfaat Hilang Keupayaan Kekal secara agregat adalah kurang daripada 100% daripada jumlah Manfaat telah dibayar kepada Peserta Takaful, perlindungan Kematian dan/ atau Hilang Keupayaan Kekal akan dikurangkan mengikut kadar jumlah yang dibayar daripada tarikh kemalangan sehingga tarikh luput Sijil Takaful ini.
3. Melainkan jika dipersetujui dan disahkan yang selainnya, pampasan yang dibayar berkenaan dengan Kematian atau Hilang Keupayaan kekal yang berlaku melibatkan lebih daripada satu Orang yang Dilindungi (dengan pengetahuan Peserta Takaful) yang bergerak di dalam satu kenderaan, hendaklah terhad secara agregat sebanyak RM6,000,000.00 sahaja. Sekiranya amaun agregat melebihi jumlah yang dinyatakan, pihak Syarikat akan bertanggungjawab untuk membayar tuntutan kepada Orang yang Dilindungi masing-masing secara berkadar dengan jumlah Orang yang Dilindungi yang terlibat.
4. Jumlah pampasan yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini berkenaan dengan mana-mana satu atau lebih Kemalangan ke atas Orang yang Dilindungi semuanya tidak boleh melebihi jumlah terbesar yang dilindungi di bawah mana-mana satu perkara yang terkandung dalam Jadual Manfaat atau penambahan kepada Sijil Takaful ini melalui Endorsmen.

**4. PEMBAHARUAN**

Ia tidak menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memberi notis kepada Peserta Takaful untuk memaklumkan bahawa Sumbangan Takaful pembaharuan pada tarikh Sijil Takaful tamat tempoh dan perlu dibayar dengan serta-merta kepada Syarikat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tamat Sijil Takaful; walau bagaimanapun dengan sekatan tempoh empat belas (14) hari itu, pihak Syarikat akan tetap bertanggungjawab untuk membayar Pampasan yang berkenaan jika pada hari ke-14, Sumbangan Takaful itu sebenarnya telah dibayar melainkan jika pihak Syarikat atau Peserta Takaful diberikan notis bahawa perlindungan tidak akan diperbaharui. Pihak Syarikat tidak akan terikat untuk menerima sebarang pembaharuan dan Sijil Takaful tidak boleh diperbaharui selepas tahun perlindungan di mana Peserta Takaful atau Orang yang Dilindungi mencapai umur enam puluh sembilan (69) tahun.

**5. PEMILIK MUTLAK**

Pihak Syarikat hendaklah mempunyai hak untuk menganggap Peserta Takaful sebagai pemilik mutlak Sijil Takaful ini dan hendaklah tidak terikat untuk mengiktiraf sebarang tuntutan ekuiti atau tuntutan lain atau kepentingan di dalam Sijil Takaful ini.

**6. GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN**

Jika tiada bayaran Sumbangan Takaful yang dibuat terhadap Sijil Takaful ini, penerimaan Sumbangan Takaful berikutnya yang diterima oleh pihak Syarikat atau ejennya yang sah, hendaklah menguatkuasakan semula Sijil Takaful ini, tetapi hanya untuk melindungi kerugian akibat daripada kecederaan akibat Kemalangan yang selepas itu dikekalkan.

**7. HAK PIHAK SYARIKAT**

Pihak Syarikat hendaklah mempunyai hak dan peluang untuk memeriksa atau memerlukan pemeriksaan ke atas Peserta Takaful pada bila-bila masa dan sekerap yang sepatutnya dikehendaki semasa menunggu tuntutan di bawah ini.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

### 8. PERUBAHAN RISIKO

Jika Orang yang Dilindungi kerap terlibat di dalam sebarang pekerjaan, sukan, hobi atau aktiviti yang mana risiko yang lebih besar mungkin tertanggung berbanding dengan yang dikemukakan di dalam Sijil Takaful ini tanpa diberitahu kepada pihak Syarikat oleh Peserta Takaful dan mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak Syarikat terhadap perubahan Sijil Takaful ini (tertakluk kepada pembayaran Sumbangan Takaful tambahan sekiranya pihak Syarikat memerlukan sebagai pertimbangan persetujuan tersebut), maka tiada tuntutan akan dibayar terhadap sebarang Kemalangan yang timbul daripadanya.

### 9. KECACATAN FIZIKAL

Jika akibat daripada Kemalangan akan memburukkan lagi keadaan atau kecacatan fizikal Orang yang Dilindungi yang wujud sebelum Kemalangan berlaku, jumlah sebarang pampasan yang perlu dibayar di bawah ini berkenaan dengan akibat daripada Kemalangan itu adalah jumlah yang dianggap munasabah oleh pihak Syarikat dan akibat tersebut tidak akan menjadi lebih teruk.

### PENGECUALIAN

Sijil Takaful ini tidak bercadang untuk dan tidak melindungi:

1. Kematian atau Hilang Keupayaan Kekal yang disebabkan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh:
  - (a) peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau perhimpunan awam di mana Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut;
  - (b) sebarang kegiatan keganasan  
 Untuk tujuan ini tindakan keganasan membawa maksud tindakan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan dan/atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, atau berkaitan dengan politik, agama, ideologi atau seumpamanya, termasuk dengan hasrat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam.
  - (c) gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu Orang Yang Dilindungi;
  - (d) kecacatan dan kelemahan fizikal atau mental Orang Yang Dilindungi yang sedia ada;
  - (e) jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil Takaful itu) kepada Orang Yang Dilindungi;
  - (f) bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitannya kepada Orang Yang Dilindungi;
  - (g) perbuatan asakan atau serangan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi yang menyebabkan dirinya terbunuh;
  - (h) sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivil atau Syariah dan prinsip-prinsipnya oleh Orang Yang Dilindungi;
  - (i) hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau Kecederaan Tubuh Badan Orang Yang Dilindungi;
  - (j) penyalahgunaan bahan, alkohol dan/ atau dadah oleh Orang Yang Dilindungi;
  - (k) apa-apa sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.
2. Kematian atau Hilang Keupayaan Kekal atau mana-mana kehilangan yang dialami oleh Orang Yang Dilindungi:
  - (a) ketika mengendalikan atau menunggang kenderaan bermotor beroda-dua sebagai sukan atau untuk sebarang tujuan lain;
  - (b) semasa menggunakan jentera kerja-kayu yang menggunakan kuasa mekanikal kecuali alat mudah-alih yang menggunakan tangan dan digunakan semata-mata untuk tujuan persendirian tanpa ganjaran;
  - (c) semasa dalam penerbangan atau melibatkan diri dalam aktiviti udara lain kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat berlesen untuk perkhidmatan penumpang. (Perkataan 'penumpang' tidak termasuk anggota anak kapal atau orang yang terlibat dalam apa-apa pengendalian teknikal atau navigasi di dalam atau di atas pesawat);
  - (d) semasa melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang.
3. Kematian atau Hilang Keupayaan Kekal yang disebabkan oleh Orang Yang Dilindungi terlibat di dalam aktiviti memburu, mendaki gunung, mendaki di kawasan terpencil yang berlesen, bermain hoki ais, bermain polo, lumba kuda berhalang, mencuci menara, sukan musim sejuk, kapal layar, melompat ski-air, aktiviti menyelam, belon udara panas, aktiviti payung terjun, terjun lelabah atau sebarang sukan terjun udara, aktiviti-aktiviti di bawah air yang melibatkan penggunaan radas pernafasan atau menggunakan jentera kerja-kayu yang menggunakan kuasa mekanikal, perlumbaan (selain daripada berjalan kaki), pacesetting atau menyertai mana-mana ujian kelajuan, kebolehpercayaan atau ujian lain.

# ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

4. Kematian atau Hilang Keupayaan Kekal secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau disebabkan oleh atau disumbangkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana jua sindrom ini telah didapati atau mungkin dinamakan.
5. Kematian atau Hilang Keupayaan Kekal yang dialami yang disebabkan oleh:
  - (a) pengionan, radiasi, atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear bagi tujuan pengecualian ini pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear;
  - (b) bahan senjata nuklear.
6. Kehilangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya:
  - (a) oleh apa-apa jenis penyakit yang lain;
  - (b) oleh rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang diperuntukkan di dalam Sijil Takaful ini);
  - (c) semasa Orang Yang Dilindungi di bawah pengaruh alkohol atau penyalahgunaan dadah semasa memandu;
  - (d) semasa kenderaan digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang (termasuk di mana ia digunakan sebagai pengangkutan umum yang tidak berlesen atau bagi sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang);
7. Sebarang kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh hernia;
8. Tuntutan undang-undang yang dibuat di atas kecuaihan, kesalahan atau keingkaran pemandu yang menyebabkan kemalangan atau kerosakan kepada penumpang.
9. Jika Orang Yang Dilindungi tidak mempunyai lesen memandu yang sah untuk memandu sebuah kereta atau tidak layak untuk memegang lesen memandu yang sah semasa memandu menyebabkan Kemalangan.
10. Orang Yang Dilindungi yang terlibat dalam Perjalanan Udara kecuali sebagai penumpang dalam pesawat pelbagai enjin berlesen yang dikendalikan oleh Syarikat penerbangan komersial, atau dimiliki atau dikendalikan oleh Syarikat komersial yang diiktiraf.
11. Pendedahan sengaja kepada bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia), atau perbuatan jenayah Orang Yang Dilindungi sendiri.
12. Sekiranya Orang Yang Dilindungi kerap terlibat di dalam sebarang pekerjaan, aktiviti sukan atau aktiviti masa lapang yang melibatkan risiko yang lebih tinggi berbanding dengan apa yang telah dinyatakan di dalam Sijil Takaful ini, tanpa Peserta Takaful memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak Syarikat dan mendapatkan kebenaran bertulis untuk meminda Sijil Takaful ini (tertakluk kepada bayaran Sumbangan Takaful tambahan yang dirasakan munasabah oleh pihak Syarikat), tiada tuntutan akan dibayar ke atas musibah yang di alami.
13. Kematian atau Hilang Keupayaan Kekal yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau disumbangkan oleh:
  - (a) sebarang aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang, kerugian akibat secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Kerajaan termasuk rampasan, penyitaan, kemusnahan, dan sekatan;
  - (b) kehilangan atau kerosakan kepada kelengkapan atau peralatan yang disewa; menguji apa-apa jenis kenderaan.
14. Terlibat di dalam pekerjaan-pekerjaan di bawah:
  - (a) tentera, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, ahli bomba atau pengawal/ pegawai keselamatan, atau
  - (b) kakitangan di udara, anak kapal, kakitangan di pelantar minyak, penyelam atau nelayan, atau
  - (c) perlombongan, pembalakan, kilang papan, kerja-kerja pertukangan kayu atau bawah tanah, atau perobohan, letupan atau kuari, atau berurusan dengan bahan letupan, gas beracun atau berbahaya, cecair atau bahan-bahan (kecuali di dalam keadaan di mana Orang Yang Dilindungi sudah tamat waktu tugasnya pada masa Kemalangan itu dan Kecederaan Tubuh Badan itu tidak ada hubung kait dengan pekerjaan Orang Yang Dilindungi atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan Orang Yang Dilindungi), atau
  - (d) aktiviti-aktiviti atau kerja yang melibatkan perancah, gondola, tali atau kabel.
15. Yang timbul daripada aktiviti-aktiviti luar pesisir seperti menyelam bukan dengan tujuan rekreasi, pemasangan minyak, perlombongan, fotografi udara atau pengendalian letupan.
16. Kerugian turutan atau kerosakan dalam apa-apa bentuk.
17. Kepada orang-orang yang di bawah umur lapan belas (18) dan melebihi umur enam puluh lima (65) tahun.
18. Sebarang kerugian atau kerosakan kepada harta yang dilindungi oleh mana-mana pelanggaran Undang-Undang dan prinsip-prinsip Awam atau Syariah oleh Orang Yang Dilindungi atau selainnya daripada sebarang sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.



**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

**SYARAT-SYARAT AM (BAGI SEMUA SEKSYEN)**

Borang Cadangan termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual berikutnya yang dilampirkan hendaklah dibaca bersama-sama dan hendaklah menjadi pelengkap Sijil Takaful ini. Mana-mana perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu dan telah disertakan di dalam mana-mana bahagian Borang Cadangan, di dalam Jadual, atau Sijil Takaful ini hendaklah membawa makna yang sama apabila ia tercatat.

**1. NOTIS**

Sebarang notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat di bawah Sijil Takaful ini hendaklah diserahkan secara bertulis kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan Syarikat. Tiada perubahan dalam Sijil Takaful ini boleh menjadi sah melainkan jika diluluskan oleh pihak Syarikat dan telah disahkan oleh wakil pihak Syarikat yang diberi kuasa.

**2. BAYARAN SUMBANGAN TAKAFUL**

Tidak ada bayaran berhubung dengan apa-apa Sumbangan Takaful boleh dianggap sebagai bayaran kepada pihak Syarikat kecuali resit dalam bentuk bercetak yang ditandatangani oleh seorang Pegawai atau Ejen yang dilantik secara sah oleh pihak Syarikat telah diberikan kepada Peserta Takaful.

**3. PEMINDAHAN KEPENTINGAN**

Pihak Syarikat tidak akan terikat untuk menerima notis pemindahan sebarang kepentingan yang timbul di bawah ini dan tiada apa-apa yang terkandung di dalam ini memberikan apa-apa hak kepada pihak Syarikat terhadap mana-mana orang selain daripada Peserta Takaful kecuali kepada penerima pindahan yang diluluskan oleh pihak Syarikat.

**4. PEMBATALAN**

Sijil Takaful ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Peserta Takaful, di mana pihak Syarikat akan membayar wang pulangan Sumbangan Takaful mengikut kaedah pro rata untuk tempoh yang belum luput jika tiada tuntutan di buat di bawah Sijil Takaful ini. Pihak Syarikat juga boleh membatalkan Sijil Takaful (dengan syarat ia perlu, munasabah dan wajar) dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Peserta Takaful di alamat terakhir yang diketahui. Dalam keadaan ini, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar balik kerugian-kerugian yang tertanggung seperti yang dijelaskan sebelum ini.

Nota: Caj pengurusan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sekiranya pembatalan dibuat atas permintaan Peserta Takaful.

**5. PERBELANJAAN**

Pihak Syarikat akan menanggung semua perbelanjaan operasinya. Peserta Takaful akan menanggung perbelanjaan yang berkaitan yang melibatkan kepentingan mereka seperti yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.

**6. SUBROGASI**

Pihak Syarikat berhak untuk melaksanakan di atas nama Peserta Takaful dan bagi pihak Peserta Takaful:

- (a) pengendalian penuh, kawalan dan penyelesaian apa-apa prosiding;
- (b) mendapatkan kembali pampasan atau ganti rugi dari mana-mana pihak ketiga berkenaan apa-apa yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini.

di atas perbelanjaan dan manfaat pihak Syarikat sendiri.

**7. PENIMBANGTARAAN**

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai jumlah kerugian dan kerosakan di antara Peserta Takaful dan pihak Syarikat, pertelingkahan sedemikian hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh Peserta Takaful dan pihak Syarikat. Jika Peserta Takaful dan pihak Syarikat tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara tunggal, dalam tempoh dua (2) bulan apabila dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian, maka pihak Peserta Takaful dan pihak Syarikat layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing dan hendaklah melantik seorang Wasit untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun, satu pihak adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal sekiranya pihak yang satu lagi gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua (2) bulan setelah menerima notis secara bertulis untuk melantik seorang Penimbang Tara yang lain.

Kos timbangtara dan anugerah hendaklah diputuskan oleh Penimbang Tara atau Wasit yang membuat anugerah.

Peserta Takaful dan pihak Syarikat dengan jelas bersetuju bahawa anugerah oleh Penimbang Tara atau Wasit hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum Peserta Takaful boleh memulakan prosiding guaman terhadap pihak Syarikat.

**8. PELEPASAN PENERIMAAN**

Pembayaran sebarang amaun yang dibayar atau dibuat oleh pihak Syarikat akan dianggap sebagai pelepasan tanggungan yang sah kepada pihak Syarikat dan akan membebaskan pihak Syarikat daripada sebarang tuntutan atau permintaan yang berkaitan dengannya.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

### 9. PERUNTUKAN SUMBANGAN TAKAFUL

Sumbangan Takaful yang diperuntukkan oleh Peserta Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual akan dimasukkan ke dalam Ta'awuni Account Pool (TAP) untuk membayar Yuran Wakalah kepada Dana Pemegang Saham dan Tabarru' kepada Dana Risiko. Pihak Syarikat akan menguruskan TAP mengikut prinsip Wakalah yang ditakrifkan oleh pihak Syarikat dan selaras dengan prinsip Syariah.

Pihak Syarikat akan mengenakan Yuran Wakalah sehingga 30% daripada Sumbangan Takaful pada permulaan tempoh Sijil Takaful berkuat kuasa dan baki Sumbangan Takaful akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko sebagai Tabarru' bagi membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai yuran Wakalah sebenar yang dikenakan, sila hubungi pihak Syarikat untuk maklumat lanjut. (Tel: 03-2723 9696 @ e-mel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my))

### 10. LEBIHAN

Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.

Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Setelah tamat tempoh Sijil Takaful, sekiranya jumlah yang perlu dibayar kepada Peserta Takaful kurang dari RM10, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful sebagai amalan baik. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan. Had tersebut tidak tertakluk jika Peserta Takaful memberikan maklumat perbankan mereka kepada pihak Syarikat.

Sebarang kekurangan dalam Dana Risiko akan dibiayai melalui pinjaman tanpa faedah (Qard) daripada Dana Pemegang Saham. Pembiayaan tersebut akan menjadi caj utama ke atas lebihan daripada Dana Risiko pada masa depan. Jika defisit di dalam Dana Risiko berlaku akibat dari kecuaihan pihak Syarikat, maka menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memastikan dana tersebut stabil melalui kaedah pemindahan secara langsung (outright transfer) dan tidak dianggap sebagai pendahuluan melalui Qard.

### 11. KEPATUHAN DAN KETEPATAN TERHADAP SYARAT-SYARAT

Mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat, dan Endorsmen yang terkandung di dalam Sijil Takaful setakat mana ia berkaitan dengan sebarang perkara yang perlu dilaksanakan atau dipatuhi oleh Peserta Takaful adalah tanggungjawab Peserta Takaful, dan ketelusan di dalam pernyataan mahupun perakuan di dalam Borang Cadangan menjadi pra-syarat untuk sebarang pembayaran pampasan oleh pihak Syarikat.

### 12. UNDANG-UNDANG

Sijil Takaful ini termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual adalah tertakluk kepada garis panduan Bank Negara Malaysia atau perundangan subsidiari lain, peraturan, arahan atau perintah daripada penguasa peraturan lain yang berkenaan.

### 13. KETEPATAN MASA

Masa, di mana-mana jua disebutkan di dalam Sijil Takaful ini, menjadi intipati perjanjian.

### 14. SERAH HAK

Tiada sebarang kepentingan serah hak berkaitan dengan Sijil Takaful ini yang akan mengikat pihak Syarikat melainkan dipersetujui terlebih dahulu oleh pihak Syarikat, di mana satu salinan serah hak yang diperakui benar dan Sijil Takaful asal diserahkan kepada Syarikat di Ibu Pejabat.

### 15. CUKAI

Sebarang sumbangan, yuran dan wang lain yang dibayar di bawah Sijil Takaful ini tertakluk kepada cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.

### 16. PENGLIBATAN PIHAK KETIGA

Dalam menjalankan mandat yang diberikan oleh Peserta Takaful, mungkin wujud satu keperluan bagi pihak Syarikat untuk mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga. Justeru, Peserta Takaful bersetuju membenarkan pihak Syarikat mendapatkan perkhidmatan daripada pihak ketiga untuk tujuan dan kepentingan peserta dan Perniagaan Takaful.

### WARANTI SUMBANGAN TAKAFUL

- Adalah menjadi asas dan syarat khas mutlak Sijil Takaful ini dimana Sumbangan Takaful kepada pihak Syarikat mestilah dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful/ Endorsmen/ pembaharuan Sijil Takaful.
- Bilamana Sumbangan Takaful yang dibayar lanjutan dari waranti ini, diterima oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa, bayaran tersebut akan dikira telah diterima oleh pihak Syarikat untuk tujuan waranti ini. Tanggungjawab bagi membuktikan Sumbangan Takaful perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen Takaful yang tidak diberi kuasa untuk menerima Sumbangan Takaful, terletak pada pengendali Takaful.
- Tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini.

**SIJIL TAKAFUL INI DAN SEMUA SYARAT HENDAKLAH DITELITI SEBAIK SAHAJA DITERIMA OLEH PESERTA TAKAFUL DAN JIKA TERDAPAT SEBARANG KESILAPAN HENDAKLAH DIKEMBALIKAN DENGAN SEGERA UNTUK PEMBETULAN. DAN LANGGANAN YANG BERTERUSAN OLEH PESERTA TAKAFUL TERHADAP PELAN PERLINDUNGAN TAKAFUL INI DIANGGAP SEBAGAI PENERIMAAN DAN PERSETUJUAN PESERTA TAKAFUL UNTUK DIIKAT DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SIJIL TAKAFUL INI.**

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

### FASAL / ENDORSMEN / PERIL DAN WARANTI-WARANTI

Peril, fasal, Endorsmen dan/atau waranti-waranti berikut hanya diguna pakai untuk Sijil Takaful ini apabila disebut secara khusus di dalam Jadual dan selainnya tertakluk kepada terma Sijil Takaful ini.

### SEKSYEN A: TAKAFUL KEBAKARAN DAN PERIL-PERIL YANG BERKAITAN

#### 1. **RUSUHAN, MOGOK DAN PERBUATAN BERNIAT JAHAT**

Sebagai balasan bagi Sumbangan Takaful tambahan, pihak Syarikat bersetuju dan mengisytiharkan bahawa perlindungan Takaful di bawah\* Sijil Takaful ini diperluaskan untuk melindungi kerosakan akibat rusuhan dan mogok, yang mana untuk tujuan Endorsmen ini hendaklah bermaksud (tertakluk kepada Syarat Khas yang terkandung selepas ini):-

Kerugian atau kerosakan kepada harta yang dilindungi\*\* yang disebabkan secara langsung oleh:-

1. Perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama yang lain dalam sebarang kekacauan ketenteraman awam (sama ada berkaitan atau tidak dengan mogok atau sekatan masuk) yang bukan merupakan kejadian yang dinyatakan di dalam Syarat 6 di bawah syarat khas yang dinyatakan di sini.
2. Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang untuk menghalang atau cuba untuk menghalang kekacauan sedemikian atau untuk mengurangkan akibat daripada kekacauan tersebut.
3. Perbuatan yang disengajakan oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat masuk dalam meneruskan pemogokan atau menentang penyekatan masuk.
4. Perbuatan mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam menghalang atau cuba untuk menghalang sebarang tindakan sedemikian atau mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut.

Dengan ini diisytiharkan selanjutnya bahawa apa-apa yang dinyatakan bertentangan dengan apa-apa yang terkandung di dalam Sijil Takaful secara bertulis, perlindungan di bawah Sijil Takaful ini hendaklah diperluaskan untuk melindungi kerosakan akibat perbuatan berniat jahat yang untuk tujuan perluasan ini bermaksud:-

Kerugian atau kerosakan kepada harta yang dilindungi yang secara langsung diakibatkan oleh perbuatan berniat jahat oleh mana-mana orang (sama ada perbuatan tersebut dilakukan semasa berlakunya kekacauan yang mengganggu ketenteraman awam ataupun tidak) sama ada perbuatan sedemikian tidak bermaksud atau mempunyai kaitan dengan kekacauan yang dinyatakan di dalam syarat khas 6 Endorsmen tetapi pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah perluasan ini terhadap sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran atau letupan mahupun sebarang kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada pecah masuk, pecah rumah, kecurian, larseni atau ancaman daripada mana-mana orang yang mengambil bahagian.

**Nota:** Jika item-item tertentu sahaja di dalam Sijil Takaful ini yang dilindungi terhadap rusuhan dan mogok, masukkan perkataan "item ....." dan "di bawah item yang disebut terdahulu daripada ini dan bukannya yang lain" pada \* dan \*\* seterusnya.

#### **SYARAT KHAS**

Untuk tujuan Endorsmen ini dan bukan sebaliknya, nombor masing-masing bagi Syarat di dalam Sijil Takaful ini hendaklah digantikan seperti yang berikut:-

#### **Syarat 5**

Sijil Takaful ini tidak melindungi:-

- (a) kerugian pendapatan, kerugian disebabkan kelewatan, kerugian pasaran atau lain-lain kerugian atau kerosakan secara turutan atau dalam apa jua jenis/perihal sekalipun.
- (b) kerugian atau kerosakan akibat pemberhentian kerja secara keseluruhan atau sebahagian atau memperlambat atau gangguan atau pemberhentian sebarang proses atau operasi.
- (c) kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal yang berpunca daripada penyitaan, perampasan atau pengambilan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah.
- (d) kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal mana-mana bangunan akibat daripada pendudukan secara tidak sah oleh mana-mana orang ke atas bangunan tersebut.

DENGAN SYARAT walau bagaimanapun, liabiliti pihak Syarikat terhadap Peserta Takaful tidak dilepaskan di bawah (c) atau (d) di atas terhadap kerosakan fizikal ke atas harta yang dilindungi yang berlaku sebelum kehilangan atau semasa kehilangan sementara.

#### **Syarat 6**

Sijil Takaful ini tidak melindungi sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau yang merupakan akibat daripada, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana satu kejadian yang berikut, iaitu:-

- i) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan yang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- ii) dahagi, kekacauan awam yang menghampiri atau mencecah tahap kebangkitan awam, kebangkitan ketenteraan, insureksi, pemberontakan, revolusi, atau ketenteraan atau rampasan kuasa.
- iii) sebarang tindakan keganasan yang disertai oleh seseorang atau orang-orang yang bertindak bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana pertubuhan.

Untuk tujuan syarat ini "keganasan" bermaksud tindakan ganas bagi tujuan politik dan termasuk tindakan ganas yang menakutkan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam.

Dalam sebarang tindakan, guaman atau prosiding lain, apabila pihak Syarikat mendakwa bahawa oleh sebab peruntukan syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini, beban untuk membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan sedemikian dilindungi adalah terletak pada Peserta Takaful.

### Syarat 8

Melainkan dinyatakan dengan jelas, Sijil Takaful ini tidak melindungi:

- (a) barangan yang dipegang sebagai amanah atau atas komisen.
- (b) bulion atau batu permata belum berikat.
- (c) apa-apa barangan yang ganjil atau hasil kerja seni yang melebihi RM500.00.
- (d) manuskrip, pelan, lukisan, atau reka bentuk, corak, model atau acuan.
- (e) sekuriti, tanggungan, atau sebarang dokumen, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain, atau rekod sistem komputer.
- (f) bahan letupan

### Syarat 11

Sijil Takaful ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh pihak Syarikat dengan memberi notis kepada Peserta Takaful, di mana pihak Syarikat hendaklah bertanggungjawab untuk membayar balik Sumbangan Takaful secara perkadaran setimpal bagi tempoh belum luput dari tarikh pembatalan. Jika Sijil Takaful ditamatkan atas permintaan Peserta Takaful, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar balik Sumbangan Takaful atau mana-mana bahagiannya kecuali setakat mana Takaful diguna pakai ke atas stok di mana pihak Syarikat hendaklah mengekalkan Sumbangan Takaful yang dikira mengikut perkiraan kadar jangka pendek bagi tempoh Takaful tersebut telah berkuat kuasa.

### Syarat 20

Jika nilai harta benda yang dilindungi pada masa berlaku kebakaran atau semasa bermulanya sebarang kemusnahan atau kerosakan ke atas harta tersebut oleh mana-mana peril lain yang dilindungi di bawah Endorsmen ini secara kolektifnya mempunyai nilai yang lebih besar daripada Amaun Perlindungan ke atasnya, maka Peserta Takaful hendaklah dianggap sebagai penanggung Takafulnya sendiri bagi perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung bahagian setimpal bagi jumlah kerugian yang sewajarnya. Setiap item, jika lebih daripada satu, ke atas Sijil Takaful, hendaklah tertakluk secara berasingan kepada syarat ini.

DENGAN SYARAT bahawa ianya dengan jelas dipersetujui dan diisytiharkan bahawa:-

- 1) Semua Syarat Sijil Takaful ini hendaklah diguna pakai dari segala segi ke atas perlindungan Takaful yang diberikan di bawah perluasan ini kecuali yang dinyatakan jelas berbeza oleh syarat khas tersebut di atas dan sebarang rujukan mengenai kebakaran dalam syarat Sijil Takaful hendaklah dianggap sebagai meliputi peril lain yang dilindungi di sini.
- 2) Syarat khas di sini hendaklah diguna pakai hanya kepada Sijil Takaful yang diberikan di bawah perluasan ini dan syarat Sijil Takaful ini hendaklah diguna pakai dari segala segi terhadap Sijil Takaful ini seolah-olah Endorsmen ini tidak dibuat ke atasnya.

## 2. PECAHAN ATAU LIMPAHAN RADAS TANGKI AIR DAN PAIP

Sebagai balasan bagi Sumbangan Takaful tambahan, pihak Syarikat dengan ini bersetuju dan mengisytiharkan bahawa Sijil Takaful ini hendaklah diperluaskan kepada kerugian atau kerosakan kepada harta yang dilindungi yang disebabkan oleh pecahan atau limpahan tangki air, radas atau paip yang dipasang di dalam atau ke atas bangunan yang dilindungi atau yang mengandungi harta yang dilindungi tidak termasuk:-

- (a) kerugian atau kerosakan yang dialami semasa bangunan tersebut tidak dihuni.
- (b) kerugian atau kerosakan oleh air yang dilepaskan atau kebocoran akibat daripada pemasangan perenjis automatik.
- (c) RM1,000.00\*\* yang pertama bagi setiap kerugian bagi Premis yang berasingan, seperti yang ditentukan setelah dikenakan purata, atau amaun perkadaran setimpal pihak Syarikat.

\*\*Jika Amaun Perlindungan kurang daripada RM50,000 jumlah Ekses ini boleh dikurangkan kepada 1% daripada Amaun Perlindungan tertakluk kepada kadar minimum RM100.00.

Dengan syarat bahawa semua syarat Sijil Takaful (kecuali setakat mana ianya secara jelas berbeza) hendaklah diguna pakai seperti ianya terkandung di sini dan bagi tujuan ini, apa-apa kerugian atau kerosakan yang dinyatakan sebelum ini hendaklah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran.

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:****SYARAT-SYARAT KHAS**

1. Liabiliti pihak Syarikat dalam apa jua keadaan di bawah Endorsmen ini tidak melebihi Amaun Perlindungan oleh setiap butiran di dalam Sijil Takaful ini.
2. Sijil Takaful ini tidak melindungi kehilangan pendapatan, kerugian kelewatan, kerugian pasaran atau lain-lain kerugian atau kerosakan secara turutan atau tidak langsung dalam apa-apa jenis atau apa-apa keterangan melainkan kerugian sewa jika kerugian tersebut dimasukkan untuk dilindungi di bawah Sijil Takaful ini.
3. Peserta Takaful hendaklah sentiasa mengambil segala bentuk tindakan yang munasabah untuk memastikan Premis berada dalam keadaan baik dan sekiranya didapati apa-apa kerosakan hendaklah diperbaiki secepat mungkin dan hendaklah dalam pada masa yang sama mengambil langkah tambahan mengikut keadaan bagi mengelak kerugian atau kerosakan dan pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kecacatan yang Peserta Takaful telah gagal untuk membaikinya setelah menerima notis kecacatan tersebut sama ada daripada pihak Syarikat atau mana-mana orang atau badan am.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful.

**Nota:** Adalah tidak dibenarkan untuk mengeneipikan atau mengurangkan Ekses tersebut.

**3. GEMPA BUMI DAN LETUSAN GUNUNG BERAPI**

Sebagai balasan bagi Sumbangan Takaful tambahan, pihak Syarikat bersetuju bahawa walau apapun yang dinyatakan bertentangan dengan syarat no. 6 Sijil Takaful ini, Takaful ini diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh kebakaran atau sebaliknya disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada gempa bumi dan letusan gunung berapi.

Dengan syarat bahawa semua syarat Sijil Takaful ini hendaklah diguna pakai (kecuali setakat kerana mana ianya secara jelas berbeza) dan mana-mana rujukan di sini mengenai kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran hendaklah juga diguna pakai bagi kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh mana-mana peril yang Sijil Takaful ini diperluaskan menurut Endorsmen ini.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini.

**SEKSYEN B: TAKAFUL KECURIAN/PECAH MASUK****1. FASAL PENJELASAN KEROSAKAN HARTA**

Kerosakan harta yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini hendaklah bermaksud kerosakan fizikal ke atas harta.

Kerosakan fizikal ke atas harta hendaklah tidak termasuk kerosakan ke atas data atau perisian, secara spesifiknya, perubahan yang merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh penghapusan, kerosakan atau kecacatan daripada struktur asal.

Oleh itu, perkara berikut adalah dikecualikan daripada Sijil Takaful ini:-

- (a) Kerugian atau kerosakan terhadap data atau perisian, tetapi tidak terhadap kepada apa-apa perubahan yang merosakkan ke atas data, perisian atau program-program komputer yang disebabkan oleh penghapusan, kerosakan atau kecacatan daripada bentuk asal, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian atau kerosakan sedemikian. Walau apapun pengecualian ini, kerugian atau kerosakan kepada data atau perisian, yang mana adalah akibat secara langsung daripada kerosakan fizikal yang dilindungi ke atas harta, hendaklah dilindungi.
- (b) Kerugian atau kerosakan akibat daripada fungsi yang terjejas, ketersediaan, kepelbagaian penggunaan akses perisian data atau program komputer, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian atau kerosakan sedemikian.

**2. FASAL PENGECUALIAN KEGANASAN**

Walaupun apa pun peruntukan yang bertentangan dengan perlindungan di bawah Sijil Takaful ini atau apa-apa Endorsmen dengannya, ianya adalah dipersetujui bahawa perlindungan Sijil Takaful ini tidak termasuk kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan walau apa pun sifatnya yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau berhubung dengan apa-apa perbuatan keganasan tanpa mengira apa-apa sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau dalam mana-mana urutan lain ke atas kerugian itu.

Bagi tujuan pengecualian ini, tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhadap kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi, etnik atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam, atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Pengecualian ini juga mengecualikan kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan walau apa pun sifatnya yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh akibat daripada atau berhubung dengan apa-apa tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, membanteras atau dalam apa-apa cara yang berhubung dengan apa-apa perbuatan keganasan.

Jika pihak Syarikat mendakwa bahawa dengan sebab pengecualian ini, apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini, beban membuktikan yang sebaliknya hendaklah terletak ke atas Peserta Takaful.



## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Sekiranya mana-mana bahagian pengecualian ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuat kuasakan, selebihnya hendaklah berkuat kuasa dan efektif sepenuhnya.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat-syarat Sijil Takaful ini.

### 3. SISTEM PENGGERA KECURIAN

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa harta yang dilindungi sekiranya sistem penggera kecurian yang dipasang di premis yang ditunjukkan pada Jadual Sijil Takaful adalah:

- i) kerap diperiksa, disenggarakan dan diuji supaya berfungsi sepenuhnya dan efektif dalam Tempoh Takaful; dan
- ii) dihidupkan sepenuhnya apabila premis ditinggalkan tanpa dijaga atau ditutup untuk Perniagaan.

Peserta Takaful tidak boleh membuat apa-apa perubahan kepada sistem atau apa-apa perubahan dari segi struktur ke atas Premis yang akan menjejaskannya tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Syarikat terlebih dahulu.

Selainnya tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian Sijil Takaful.

### 4. PENGAWAL KESELAMATAN

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa harta dilindungi jika Premis dihuni dan dironda pada jarak waktu yang sekata oleh pengawal keselamatan apabila Premis ditutup untuk Perniagaan. Setiap rondaan hendaklah direkodkan pada jam masa.

Selainnya tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian Sijil Takaful.

### 5. FASAL PEMBERITAHUAN KERUGIAN

Walaupun bertentangan dengan apa-apa yang terkandung di sini, ia adalah dipersetujui bahawa Sijil Takaful ini tidak terjejas disebabkan oleh sebarang kelewatan, kesilapan atau ketinggalan memaklumkan Syarikat mengenai apa-apa keadaan, kejadian atau peristiwa yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

Dengan syarat

- (a) kerugian/kerosakan hendaklah dibuktikan sepenuhnya.
- (b) liabiliti pihak Syarikat tidak akan bertambah akibat kelewatan, kesilapan atau ketinggalan.
- (c) beban membuktikan bahawa kerugian telah berlaku adalah terletak pada Peserta Takaful.
- (d) hak pihak Syarikat untuk mendapatkan semula (ke atas nama Peserta Takaful daripada sebaliknya) daripada mana-mana pihak yang bertanggungjawab terhadap kerugian tidak boleh disalah anggap.
- (e) dalam apa jua keadaan sekali pun, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang tidak dimaklumkan kepada pihak Syarikat dalam tempoh enam (6) bulan kalendar selepas kejadian yang menyebabkan berlakunya tuntutan.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat-syarat Sijil Takaful ini.

## SEKSYEN C: TAKAFUL WANG

### 1. WARANTI PEMBAAHAN WANG TUNAI/ WARANTI KESELAMATAN

Adalah diwarantikan bahawa semasa Sijil Takaful ini, semua pembawaan wang tunai, nota bank, nota mata wang, setem perdagangan semasa dan cek tidak berpaling melebihi amaun yang dinyatakan di dalam Jadual hendaklah diiringi oleh pengawal bersenjata profesional yang disediakan oleh Syarikat pembawaan tunai / Syarikat Keselamatan atau diiringi oleh polis.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful.

### 2. FASAL ROMPAKAN DAN TAHANAN BERSENJATA

Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Sijil Takaful ini diperluaskan untuk melindungi risiko rompakan dan tahanan bersenjata di dalam Premis yang digambarkan di sini. Selanjutnya diisytiharkan dan dipersetujui bahawa indemniti yang diberikan di bawah Endorsmen ini hendaklah diguna pakai terhadap pengambilan harta Peserta Takaful:

- a) oleh keganasan yang dilakukan kepada penyimpanan
- b) dengan menakutkan beliau dengan keganasan; dan
- c) daripada penyimpan yang telah dibunuh atau pengsan.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful.

### 3. KEROSAKAN KEPADA PETI BESI/ KABINET/ KOTAK WANG TUNAI/ BILIK KEBAL/ MESIN DAFTAR TUNAI DAN SEBAGAINYA

Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Sijil Takaful ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi kerosakan peti besi/ laci/ kabinet daripada rompakan atau kecurian atau cubaan ke arahnya, dengan syarat bahawa Peserta Takaful adalah pemilik atau bertanggungjawab ke atas kerosakan itu.

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:****4. FASAL PEMBERITAHUAN KERUGIAN**

Walaupun bertentangan dengan apa-apa yang terkandung di sini, ia adalah dipersetujui bahawa Sijil Takaful ini tidak akan terjejas disebabkan oleh sebarang kelewatan, kesilapan atau ketinggalan memaklumkan Syarikat mengenai apa-apa keadaan, kejadian atau peristiwa yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

Dengan syarat

- (a) kerugian/kerosakan hendaklah dibuktikan sepenuhnya.
- (b) liabiliti pihak Syarikat tidak akan bertambah akibat kelewatan, kesilapan atau ketinggalan.
- (c) beban membuktikan bahawa kerugian telah berlaku adalah terletak pada Peserta Takaful.
- (d) hak pihak Syarikat untuk mendapatkan semula (ke atas nama Peserta Takaful daripada sebaliknya) daripada mana-mana pihak yang bertanggungjawab terhadap kerugian tidak boleh disalah anggap.
- (e) dalam apa jua keadaan sekali pun, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang tidak dimaklumkan kepada pihak Syarikat dalam tempoh enam (6) bulan kalendar selepas kejadian yang menyebabkan berlakunya tuntutan.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat-syarat Sijil Takaful ini.

**SEKSYEN D: TAKAFUL LIABILITI AWAM****1. FASAL PENJELASAN KEROSAKAN HARTA**

Kerosakan harta yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini hendaklah bermaksud kerosakan fizikal ke atas harta.

Kerosakan fizikal ke atas harta hendaklah tidak termasuk kerosakan ke atas data atau perisian, secara spesifiknya, perubahan yang merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh penghapusan, kerosakan atau kecacatan daripada struktur asal.

Oleh itu, perkara berikut adalah dikecualikan daripada Sijil Takaful ini:-

- (a) Kerugian atau kerosakan terhadap data atau perisian, tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan yang merosakkan ke atas data, perisian atau program-program komputer yang disebabkan oleh penghapusan, kerosakan atau kecacatan daripada bentuk asal, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian atau kerosakan sedemikian. Walau apa pun pengecualian ini, kerugian atau kerosakan kepada data atau perisian, yang mana adalah akibat secara langsung daripada kerosakan fizikal yang dilindungi ke atas harta, hendaklah dilindungi.
- (b) Kerugian atau kerosakan akibat daripada fungsi yang terjejas, ketersediaan, kepelbagaian penggunaan akses perisian data atau program komputer, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian atau kerosakan sedemikian.

**2. FASAL PENGECUALIAN KEGANASAN**

Walaupun apa pun peruntukan yang bertentangan dengan perlindungan di bawah Sijil Takaful ini atau apa-apa Endorsmen dengannya, ianya adalah dipersetujui bahawa perlindungan Sijil Takaful ini tidak termasuk kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan walau apa pun sifatnya yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau berhubung dengan apa-apa perbuatan keganasan tanpa mengira apa-apa sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau dalam mana-mana urutan lain ke atas kerugian itu.

Bagi tujuan pengecualian ini, tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi, etnik atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam, atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Pengecualian ini juga mengecualikan kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan walau apa pun sifatnya yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh akibat daripada atau berhubung dengan apa-apa tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, membanteras atau dalam apa-apa cara yang berhubung dengan apa-apa perbuatan keganasan.

Jika pihak Syarikat mendakwa bahawa dengan sebab pengecualian ini, apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini, beban membuktikan yang sebaliknya hendaklah terletak ke atas Peserta Takaful.

Sekiranya mana-mana bahagian pengecualian ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuat kuasakan, selebihnya hendaklah berkuat kuasa dan efektif sepenuhnya.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat-syarat Sijil Takaful ini.

## ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

### 3. MOGOK, RUSUHAN DAN KEKACAUAN AWAM

Adalah dipersetujui dan difahami bahawa selainnya tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Sijil Takaful untuk mengendorskan padanya dan tertakluk kepada Peserta Takaful membayar Sumbangan Takaful tambahan yang dipersetujui, Sijil Takaful ini hendaklah diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mogok, rusuhan, dan kekacauan awam yang bagi tujuan Endorsmen ini hendaklah bermaksud (tertakluk kepada Syarat Khas yang terkandung selepas ini) kerugian atau kerosakan kepada harta perlindungan yang disebabkan secara langsung oleh

1. perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama yang lain dalam mana-mana kekacauan ketenteraman awam (sama ada berkaitan dengan mogok atau sekat masuk atau tidak) yang bukan kejadian seperti yang dinyatakan di dalam syarat 2 di bawah Syarat Khas yang tersebut di sini.
2. perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam menghalang atau cuba untuk menghalang mana-mana kekacauan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat daripada kekacauan tersebut.
3. perbuatan sengaja oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat masuk dalam meneruskan pemogokan atau menentang penyekatan masuk.
4. perbuatan mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba untuk menghalang apa-apa tindakan sedemikian atau mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut.

Dengan syarat bahawa ianya dengan jelas dipersetujui dan diisytiharkan bahawa

1. semua terma, pengecualian, peruntukan dan syarat-syarat Sijil Takaful hendaklah diguna pakai di dalam semua aspek ke atas Takaful yang diberikan di bawah perluasan ini kecuali yang dinyatakan jelas berbeza oleh Syarat Khas tersebut dan mana-mana rujukan bagi kerugian atau kerosakan di dalam susunan kata Sijil Takaful ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk risiko yang dengan ini dilindungi.
2. Syarat Khas berikut hendaklah diguna pakai hanya bagi perlindungan yang diberikan oleh perluasan ini kepada Takaful yang diberikan oleh Sijil Takaful ini seolah-olah Pengendosan ini tidak dibuat ke atasnya.

### PENGECUALIAN KHAS

1. Sijil Takaful ini tidak melindungi
  - (a) kerugian atau kerosakan akibat daripada pemberhentian kerja secara keseluruhan atau sebahagian kerja atau memperlambatkan atau gangguan atau pemberhentian mana-mana proses atau operasi.
  - (b) kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal yang berpunca daripada penyitaan, perampasan atau pengambilan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah.
  - (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal mana-mana bangunan yang berpunca daripada pendudukan secara tidak sah oleh mana-mana orang ke atas bangunan tersebut.

Dengan syarat walau bagaimanapun, liabiliti pihak Syarikat kepada Peserta Takaful tidak dilepaskan di bawah (b) atau (c) di atas terhadap kerosakan fizikal ke atas harta yang dilindungi yang berlaku sebelum perampasan atau semasa perampasan sementara.

2. Sijil Takaful ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana kejadian yang berikut iaitu:
  - (a) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara.
  - (b) dahagi, kekacauan awam yang menghampiri atau mencecah tahap kebangkitan awam, kebangkitan ketenteraan, insureksi, pemberontakan, revolusi, atau ketenteraan atau rampasan kuasa.
  - (c) mana-mana perbuatan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti-aktiviti ke arah kepada penggulingan dengan paksaan kerajaan de jure atau de facto atau dengan pengaruh keganasan atau kekejaman.

Dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding lain, di mana pihak Syarikat mendakwa bahawa oleh sebab peruntukan dalam syarat ini, apa-apa kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini, beban membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi hendaklah terletak pada Peserta Takaful.

Sijil Takaful ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh itu pihak Syarikat melalui notis yang efektif diberikan melalui pos berdaftar ke alamat terakhir Peserta Takaful dikenali, di mana pihak Syarikat akan bertanggungjawab untuk membayar Sumbangan Takaful mengikut perkadaran yang setimpal untuk tempoh yang belum tamat dari tarikh pembatalan.

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

**SEKSYEN E: TAKAFUL PERIL KOMPREHENSIF**

**1. WARANTI PENYELENGGARAAN**

Ia diwarantikan bahawa semasa penerusan Sijil Takaful ini

- (a) Peserta Takaful hendaklah membaikpulih dan mengekalkan setiap mesin supaya berfungsi dengan baik kepada standard yang sekurang-kurangnya selaras dengan cadangan dan jadual penyelenggaraan oleh pengilang dan pembekal yang sesuai dan bahawa ia tidak boleh terlebih beban;
- (b) Peserta Takaful pada perbelanjaannya sendiri hendaklah menguruskan jumlah bagi setiap kren, lif, dandang atau lain-lain pengandung tekanan (atau di mana yang diminta secara khusus oleh pihak Syarikat apa-apa mesin lain) akan diselidiki dengan mendalam oleh orang yang kompeten mengikut Kerajaan atau peraturan-peraturan yang lain, tetapi dalam apa jua keadaan dalam jarak masa yang tidak melebihi daripada dua belas (12) bulan bagi setiap kren, lif atau dandang dan dua puluh empat (24) bulan bagi pengandung tekanan lain.

**2. FASAL PENJELASAN KEROSAKAN HARTA**

Kerosakan harta yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini hendaklah bermaksud kerosakan fizikal ke atas harta.

Kerosakan fizikal ke atas harta hendaklah tidak termasuk kerosakan ke atas data atau perisian, secara spesifiknya, perubahan yang merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh penghapusan, kerosakan atau kecacatan daripada struktur asal.

Oleh itu, perkara berikut adalah dikecualikan daripada Sijil Takaful ini:-

- (a) Kerugian atau kerosakan terhadap data atau perisian, tetapi tidak terhadap kepada apa-apa perubahan yang merosakkan ke atas data, perisian atau program-program komputer yang disebabkan oleh penghapusan, kerosakan atau kecacatan daripada bentuk asal, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian atau kerosakan sedemikian. Walau bagaimanapun pengecualian ini, kerugian atau kerosakan kepada data atau perisian, yang mana adalah akibat secara langsung daripada kerosakan fizikal yang dilindungi ke atas harta, hendaklah dilindungi.
- (b) Kerugian atau kerosakan akibat daripada fungsi yang terjejas, ketersediaan, kepelbagaian penggunaan akses perisian data atau program komputer, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian atau kerosakan sedemikian.

**3. FASAL PEMBERITAHUAN KERUGIAN (Dalam masa 30 hari)**

Walaupun bertentangan dengan apa-apa yang terkandung di sini, ia adalah dipersetujui bahawa Sijil Takaful ini tidak akan terjejas disebabkan oleh sebarang kelewatan, kesilapan atau ketinggalan memaklumkan Syarikat mengenai apa-apa keadaan, kejadian atau peristiwa yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

Dengan syarat

- (a) kerugian/ kerosakan hendaklah dibuktikan sepenuhnya.
- (b) liabiliti pihak Syarikat tidak akan bertambah akibat kelewatan, kesilapan atau ketinggalan.
- (c) beban membuktikan bahawa kerugian telah berlaku adalah terletak pada Peserta Takaful.
- (d) hak pihak Syarikat untuk mendapatkan semula (ke atas nama Peserta Takaful daripada sebaliknya) daripada mana-mana pihak yang bertanggungjawab terhadap kerugian tidak boleh disalah anggap.
- (e) dalam apa jua keadaan sekali pun, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang tidak dimaklumkan kepada pihak Syarikat dalam tempoh enam (6) bulan kalendar selepas kejadian yang menyebabkan berlakunya tuntutan.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat-syarat Sijil Takaful ini.

**SEKSYEN F: TAKAFUL KEMALANGAN DIRI BERKUMPULAN**

**1. FASAL KEHILANGAN**

Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa, sekiranya Orang Yang Dilindungi hilang semasa Sijil Takaful ini dan tubuhnya tidak dijumpai dalam tempoh satu (1) tahun selepas kehilangannya, dan bukti yang mencukupi yang dikemukakan memuatkan pihak Syarikat yang menyebabkan mereka tidak dapat mengelak daripada kesimpulan bahawa dia mengekalkan kecederaan anggota badan akibat kemalangan dan bahawa kecederaan itu menyebabkan kematiannya, pihak Syarikat hendaklah dengan serta-merta membayar manfaat kematian di bawah Sijil Takaful ini dengan syarat bahawa orang atau orang-orang di mana jumlah wang itu dibayar kepada, hendaklah menandatangani suatu akuan janji untuk memulangkan kembali wang tersebut kepada pihak Syarikat sekiranya Orang Yang Dilindungi kemudiannya didapati hidup.

Selainnya tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian Sijil Takaful.

**ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:**

**2. FASAL PENDEDAHAN**

Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa tertakluk kepada semua terma, had, syarat dan pengecualian-pengecualian di dalam Sijil Takaful ini kecuali sebagaimana yang diperuntukkan secara khusus di dalam ini, Sijil Takaful ini meliputi tuntutan yang timbul daripada kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh pendedahan kepada unsur-unsur sebagai akibat daripada Kemalangan ke atas Orang Yang Dilindungi dengan syarat bahawa sekiranya berlaku kematian Orang Yang Dilindungi yang disebabkan oleh pendedahan kepada unsur-unsur bahawa kematian ini adalah tertakluk kepada badan siasatan yang ditubuhkan kehakiman yang mana dijumpai bahawa Orang Yang Dilindungi meninggal dunia yang pendedahan akibat daripada Kemalangan.

**3. FASAL PEMBERITAHUAN KERUGIAN**

Walaupun bertentangan dengan apa-apa yang terkandung di sini, ia adalah dipersetujui bahawa Sijil Takaful ini tidak akan terjejas disebabkan oleh sebarang kelewatan, kesilapan atau ketinggalan memaklumkan Syarikat mengenai apa-apa keadaan, kejadian atau peristiwa yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

**4. MOGOK, RUSUHAN DAN KEKACAUAN AWAM**

Walau apa pun yang bertentangan dengan apa-apa yang terkandung di dalam ini, adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sebagai balasan bagi bayaran Sumbangan Takaful tambahan, Sijil Takaful ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau hilang keupayaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mogok, rusuhan atau kekacauan awam kecuali setakat sebagai Orang Yang Dilindungi sendiri secara aktif mengambil bahagian apabila perluasan ini menjadi batal dan tidak sah.

Selainnya tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian Sijil Takaful.

**NOTIS PENTING**

Kami amat prihatin dengan perkhidmatan yang Kami berikan kepada pelanggan Kami, dan adalah menjadi tanggungjawab kakitangan Kami untuk mengekalkan standard terbaik. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan di pihak Kami, sila utarakan kepada Kami melalui:

**Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,  
Takaful Ikhlas General Berhad,  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,  
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

Tel: +603-27239696  
Faks: +603-27239998  
Emel: [complaints@takaful-ikhlas.com.my](mailto:complaints@takaful-ikhlas.com.my)

Untuk notis undang-undang yang perlu diserahkan secara terus atau mana-mana surat rasmi, sila hantarkan ke:

**Takaful Ikhlas General Berhad,  
Tingkat 5, Bangunan Malaysian Re  
No.17, Lorong Dungun, Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur**

**Untuk perhatian: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif**

Kami akan memastikan masalah Anda dikaji secara komprehensif. Sekiranya Anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan pihak Syarikat, maka Anda boleh merujuk kes Anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dalam tempoh enam (6) bulan dari hari pihak Syarikat membuat keputusan muktamad. Alamat adalah seperti berikut:

**Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)**

Tingkat 14, Blok Utama,  
Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.  
Tel : 603-2272 2811  
Faks: 603-2272 1577  
Emel: [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)  
Laman sesawang: [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

**Contact Centre (BNMTELELINK)**

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)  
Bank Negara Malaysia  
Peti Surat 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)  
Fax : 03-21741515  
E-mail: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)